SEKATARAKYAT

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

# MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN

## KALI KE-31

## (2026/2)



# ATUR CARA

## MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-31 (2026/2)

**28 Jun 2026 (Ahad)**

**Balai Tan Sri Sheikh Ahmad**
**Tingkat 3, Menara 1**
**Menara Kembar Bank Rakyat Berhad**
**No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral**
**50470 Kuala Lumpur**

| | | |
|---|---|---|
| **9.00 – 10.00 pagi** | **:** | **Ketibaan & Pendaftaran Para Perwakilan** |
| | **:** | **Ketibaan Anggota Lembaga Pengarah** |
| **10.00 pagi** | **:** | **Taklimat Keselamatan** |
| | **:** | **Bacaan Doa**<br>**Ustaz Mohd Mawerdi Sairi** |
| | **:** | **Ucapan Pengerusi**<br>**Y. Bhg. Datuk Mohamed Arsad Sehan** |
| | **:** | **Mesyuarat Agung Perwakilan Bermula** |

Nota

- Sarapan pagi disediakan.

## ISI KANDUNGAN / PERJALANAN MESYUARAT


| Bil | Perkara | Kandungan | Muka Surat |
|---|---|---|---|
| **MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE TIGA PULUH SATU - KE-31 (2026/2)** | | | |
| 1 | | Garis Panduan Etika Mesyuarat Agung Perwakilan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) | MAP 6 - MAP 16 |
| 2 | | Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-31 (2026/2) | MAP 18 - MAP 19 |
| 3 | | Pelantikan Pengerusi Mesyuarat | |
| 4 | | Pelantikan Pencatat Minit | |
| 5 | 1 | Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota atau perwakilan dan empat (4) orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan | MAP 21 |
| 6 | 2 | Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-30 (2026/1) | MAP 23- MAP 50 |
| 7 | 3 | Memilih anggota-anggota Lembaga Pengarah | MAP 52 – MAP 53 |
| 8 | 4 | Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang tidak dibiayai oleh wang berlebihan Sekatarakyat | MAP 55 - MAP 56 |
| 9 | 5(a) | Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Sekatarakyat<br>i. Pindaan Undang-Undang Kecil Perkara 9(1): Aktiviti Koperasi<br>ii. Pindaan Undang-Undang Kecil Perkara 26(2) : Pemilihan Perwakilan dan urusan Mesyuarat Agung Kawasan | <br>MAP 59 - MAP 62<br>MAP 64 - MAP 65 |
| 10 | 5(b) | Menimbang dan meluluskan Aturan-aturan Sekatarakyat<br>i. Aturan Perniagaan Dagangan Import dan Export<br>ii. Aturan Aktiviti Harta Tak Alih<br>iii. Mewujudkan Skim Pembiayaan Daripada Anggota Serta Mewujudkan Aturan Aktiviti Berkaitan | <br>MAP 68 - MAP 77<br>MAP 79 - MAP 95<br>MAP 97 - MAP 110 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11 | 6 | Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa urusan lain koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan | MAP 111 |
| 12 | 7 | Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan kepada Sekatarakyat, yang dikemukakan oleh anggota yang terkilan dengan keputusan Lembaga Pengarah Sekatarakyat | MAP 112 |
| 13 | 8 | Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut peraturan-peraturan ini<br><br>Laporan lawatan Coop Centre Thailand | MAP 114 – MAP 122 |

# GARIS PANDUAN ETIKA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)

# ETIKA MESYUARAT AGUNG

## 1. Perhimpunan

Anggota-anggota koperasi hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan seperti mana dalam notis mesyuarat.

## 2. Bahasa Rasmi

Bahasa Rasmi bagi mesyuarat hendaklah Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa lain dibenarkan mengikut kesesuaian.

## 3. Pengerusi Mesyuarat

Pengerusi mesyuarat hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang kecil.

## 4. Agenda Mesyuarat

Agenda mesyuarat hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam Notis Mesyuarat.

## 5. Kuorum

Kuorum hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang kecil dan Peraturan-Peraturan Koperasi.

## 6. Minit Mesyuarat Agung yang lalu

Minit mesyuarat agung yang lalu akan diedarkan dan dibentang untuk pengesahan. Selain dari pembetulan minit, perbincangan ke atasnya tidak dibenarkan. Hanya selepas pengesahan dibuat, anggota-anggota boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbahasan terhadapnya tidak dibenarkan.

## 7. Setiausaha Mesyuarat

Setiausaha atau orang yang diarahkannya hendaklah mencatat perjalanan mesyuarat. Minit Mesyuarat hendaklah disiapkan dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh mesyuarat agung diadakan.

## 8. Hak-hak Anggota

Anggota-anggota yang layak hadir dalam mesyuarat mempunyai hak untuk bercakap, menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan dan mengundi atas sesuatu perkara yang dibincangkan dalam agenda mesyuarat.

## 9. Laporan Tahunan

*(a)* Laporan Tahunan yang mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan Teraudit akan dibentangkan untuk dibincangkan setelah minit mesyuarat agung yang lalu disahkan. Penerimaannya hendaklah di bawah syor "Telah diterima dan diluluskan".

(b) Laporan Tahunan hendaklah diberi keutamaan daripada perkara lain. Sesuatu syor boleh dibuat terhadap mana-mana perkara dalam laporan tersebut dan ia hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi Mesyuarat.

**10. Tertib Bercakap**

*(a)* Anggota yang ingin bercakap hendaklah bangun dan apabila diberi keizinan oleh Pengerusi, beliau hendaklah berdiri dan mengajukan ucapannya kepada Pengerusi Mesyuarat.

*(b)* Apabila lebih daripada seorang anggota bangun untuk bercakap, anggota yang terdahulu hendaklah diberi keutamaan untuk bercakap. Walau bagaimanapun, keputusan terletak kepada Pengerusi mesyuarat agung.

*(c)* Anggota tidak boleh bercakap lebih daripada sekali di atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali (sebagai pembawa usul atau pindaan kepada usul itu) untuk menjawab. Sekiranya ada pindaan dibuat ke atas usul asal, anggota berkenaan boleh bercakap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu.

*(d)* Seseorang anggota tidak boleh mengganggu anggota lain yang sedang bercakap, kecuali –

(i) jika hendak membuat teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu anggota yang sedang bercakap hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak disampaikan untuk pengetahuan mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi Mesyuarat untuk memutuskannya; atau

(ii) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang disampaikan oleh anggota yang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat anggota yang sedang bercakap itu mahu memberi laluan dan anggota yang hendak mencelah itu diberi izin oleh Pengerusi Mesyuarat.

*(e)* Jika seseorang anggota mengganggu seorang anggota lain yang sedang bercakap semasa mesyuarat sedang berjalan atau menggunakan bahasa kasar atau biadab dan ingkar mematuhi arahan Pengerusi Mesyuarat apabila diminta menjaga tertib mesyuarat, namanya akan dicatat oleh Pengerusi Mesyuarat. Ia akan diminta meninggalkan bilik mesyuarat dan tidak akan dibenarkan masuk selagi ia tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi Mesyuarat.

*(f)* Jika Pengerusi Mesyuarat memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, anggota yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan anggota lain tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi Mesyuarat memberi kebenaran untuk meneruskan perbincangan.

## 11. Had Masa Bercakap

Pembawa usul atau pindaan tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima minit. Anggota yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan melebihi **tiga (3) minit**, kecuali jika dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi Mesyuarat. Tambahan masa yang diberi hendaklah tidak melebihi **dua (2) minit**.

**12. Isi-isi Ucapan**

*(a)* Anggota hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.

*(b)* Perkara-perkara yang dalam pertimbangan atau perbicaraan mahkamah tidak boleh dibincang.

*(c)* Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh dipertimbangkan semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.

*(d)* Seseorang anggota tidak boleh menggunakan bahasa kasar atau biadab dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan buruk terhadap orang lain.

*(e)* Nama, kelakuan dan sifat Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau nama DYMM Raja-Raja Melayu atau TYT Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi mesyuarat.

*(f)* Seseorang anggota yang bercakap tidak boleh menggunakan —

(i) perkatan-perkataan derhaka kepada negeri;

(ii) perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan terhadap kerajaan yang memerintah, dan

(iii) perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan antara kaum dan agama di Malaysia.

*(g)* Jika pada pendapat Pengerusi, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar peraturan ini, maka Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan berkenaan itu, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan berkenaan itu tidak dibahaskan lagi.

## 13. Menutup Ucapan/Perbahasan

Setelah sesuatu usul dikemukakan kepada mesyuarat, seorang anggota boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada pendapat Pengerusi, usul itu tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan, maka usul itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibincang walaupun pembawa usul asal atau pindaan tidak berpeluang menjawab.

## 14. Usul (Motion)

*(a)* Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara itu akan dikenali sebagai usul asal dan semua cadangan mengenai perkara yang sama dikenali sebagai pindaan.

*(b)* Tiap-tiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah ada pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis.

*(c)* Tiap-tiap usul yang hendak dimasukkan ke dalam agenda hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha koperasi

sekurang-kurangnya **tujuh (7) hari** sebelum mesyuarat agung diadakan.

*(d)* Seseorang anggota yang ingin menarik balik atau mengubah atau meminda isi-isi sesuatu usul yang dibuat olehnya boleh berbuat demikian dengan memberitahu secara bertulis berkenaannya kepada Setiausaha sebelum tarikh mesyuarat agung. Walau bagaimanapun, disyaratkan pindaan itu pada pendapat Pengerusi tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal itu.

*(e)* Apabila sesuatu usul itu ditarik balik selepas ianya dimasukkan dalam agenda mesyuarat agung, Pengerusi, apabila tiba masanya, mengisytiharkan dalam mesyuarat agung bahawa usul tersebut telah ditarik balik dan tidak boleh dibahas lagi.

## 15. Cadangan dan Sokongan

*(a)* Sesuatu usul atau pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan, usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.

*(b)* Seseorang anggota tidak boleh mencadang atau menyokong lebih daripada sekali bagi sesuatu usul. Pencadang atau penyokong sesuatu usul atau pindaan usul tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul tersebut.

## 16. Pindaan

Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong terhadap sesuatu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal, yang mana pindaan-pindaan selanjutnya boleh dikemukakan tertakluk kepada para 18 Etika ini.

## 17. Hak Menjawab

*(a)* Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat dia hendaklah menjawab kepada ucapan yang dibuat olehnya terdahulu. Perkara-perkara baru tidak boleh dibangkitkan. Setelah menjawab, usul hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan suara majoriti anggota-anggota yang hadir.

*(b)* Jika usul asal telah diganti dengan pindaan, hak menjawab diberikan kepada orang yang membawa pindaan.

## 18. Usul Tergempar

Sebarang usul yang tidak dimasukkan ke dalam agenda mesyuarat agung tidak boleh dikemukakan dalam mesyuarat untuk dibahas.

## 19. Pengundian

*(a)* Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi kecuali perkara-perkara berkaitan dengan Pindaan Undang-undang Kecil. Jika undi sama banyak, perkara yang dibincangkan disifatkan kalah. Pengerusi tiada undi pemutus.

*(b)* Pengerusi mesyuarat tidak boleh mengundi berkenaan sebarang perkara mengenai dirinya.

**20. Adab Anggota Tidak Bercakap**

Masa mesyuarat sedang berjalan —

(i) Anggota hendaklah masuk ke dewan atau keluar daripada dewan atau membawa diri dalam dewan dengan tertib adab;

(ii) Seseorang anggota tidak boleh melintas ruangan tengah dewan tanpa apa-apa urusan;

(iii) Anggota-anggota tidak boleh membaca surat-surat khabar, buku-buku, surat-surat atau lain-lain kecuali dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan perkara yang dibahas; dan

(iv) Masa seseorang anggota bercakap, anggota lain hendaklah diam dan tidak mengganggu.

**21. Kuasa Pengerusi Mesyuarat dan Tertib Dalam Mesyuarat**

*(a)* Bila anggota-anggota ditegur oleh pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bangun semasa perbahasan berjalan, mana-mana anggota yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dan Mesyuarat hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi dapat didengar dan tidak terganggu.

*(b)* Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi memastikan supaya etika mesyuarat ini dipatuhi dan keputusannya mengenai apa-apa

perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta ditimbangkan semula.

(c) Pengerusi setelah menarik perhatian mesyuarat kepada kelakuan seseorang anggota yang degil dengan menyebutkan perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan perkara mesyuarat boleh memerintahkan dia berhenti bercakap.

(d) Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana anggota yang berkelakuan tidak baik keluar dengan serta merta daripada mesyuarat.

(e) Anggota yang diperintahkan keluar menurut perenggan 21(d), dengan serta merta hendaklah keluar dari dewan mesyuarat dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat.

(f) Jika sesuatu perkara berbangkit mengenai prosedur, maka proses pengundian untuk membuat keputusan adalah tidak diperlukan. Adalah memadai dengan keputusan pengerusi sahaja. Sekiranya perkara yang dibincangkan melibatkan perkara hakiki (substantive) maka keputusan hendaklah dibuat secara pengundian.

(g) Jika mesyuarat agung membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan pengerusi, maka mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh seorang yang lain sehingga keputusan telah dibuat. Dalam hal ini prinsip "Natural Justice" hendaklah terpakai.

(h) Pengerusi hendaklah menasihatkan anggota yang hadir dalam mesyuarat supaya sentiasa berada di dalam dewan mesyuarat sepanjang mesyuarat diadakan bagi memastikan kuorum mesyuarat adalah mencukupi pada setiap masa.

*(i)* Jika berlaku kekacauan besar dan luar jangka dalam mesyuarat, Pengerusi boleh, jika pandangannya wajar, menangguhkan mesyuarat tanpa perlu meminta keputusan mesyuarat selama yang ditetapkan olehnya.

## NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE TIGA PULUH SATU (KE-31) / 2026

SEKATARAKYAT

**KKBR / Notis / MAP / Kali Ke-31 - 2026**

22 Mei 2026

Kepada :

***ANGGOTA-ANGGOTA PERWAKILAN SEKATARAKYAT***

*Assalamualaikum wbt,*
Y. Bhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE TIGA PULUH SATU**
**( MESYUARAT AGUNG KALI KE EMPAT PULUH EMPAT )**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan, **Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) Kali Ke Tiga Puluh (Ke-31)** akan diadakan seperti butiran yang berikut :-

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | **28 Jun 2026 (Ahad)** |
| **Masa** | : | **10.00 pagi** |
| **Tempat** | : | **Balai Tan Sri Sheikh Ahmad**<br>**Tingkat 3, Menara 1, MKBR**<br>**No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral**<br>**50470 Kuala Lumpur** |

**AGENDA MESYUARAT**

1. Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota atau perwakilan dan empat (4) orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan.

2. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke Tiga Puluh (Ke-30) Tahun 2026.

3. Memilih Anggota-Anggota Lembaga.

4. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang tidak dibiayai oleh wang berlebihan koperasi.

5(a). Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi.

5(b). Menimbangkan dan meluluskan Aturan-Aturan Koperasi.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (4958)
Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur.
03-2273 3315, 2273 5024, 2273 8710
sekata@sekatarakyat.com.my

6. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa urusan lain Koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan.

7. Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan kepada Koperasi berdaftar itu, yang dikemukakan oleh anggota yang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga.

8. Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut Peraturan-Peraturan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
Bp : **SEKATARAKYAT**

..........................................
**HASRUL LIZA SHAH RUDIN**
**Setiausaha Kehormat**
mhb/mfmy/neag/amy/hlsr

NOTA :
*Sekiranya tuan / puan mempunyai sebarang usul yang hendak dikemukakan bagi kelulusan Mesyuarat Agung, sila kemukakan dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan secara emel atau faks kepada Sekatarakyat seperti butiran yang berikut :-*

**Emel** : rozaman@sekatarakyat.com.my / **(Ahmad Rozaman Mohd Yusoff)**
: elina@sekatarakyat.com.my / **(Nor Elina Ab Ghani)**
: faizul@sekatarakyat.com.my / **(Mohammad Faizul Md Yunus)**
: hafiz@sekatarakyat.com.my / **(Mohd Hafiz Bukhari)**
: danial@sekatarakyat.com.my / **(Mohd Danial Nor Azizan)**
: shahifudin@sekatarakyat.com.my/ **(Shahifudin Saufi)**
: amirah.jaafar@sekatarakyat.com.my / **(Noor Amirah Ja'afar)**
: karimah@sekatarakyat.com.my / **(Karimah Ali)**
: sekata@sekatarakyat.com.my / **(Emel Rasmi)**
**No. Telefon** : **03-2273 3314 / 03-2273 3315 / 03-2273 3609**
**No. Faks** : **03-2274 1314**

## PERKARA 1

## MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG ANGGOTA ATAU PERWAKILAN DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DERAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

**CADANGAN MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ANGGOTA ATAU PERWAKILAN DAN EMPAT (4) ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH UNTUK MENENTUSAHKAN DERAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-31 (2026/2)**

## 1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan untuk memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-31 (2026/2) bagi melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) anggota atau Perwakilan dan empat (4) Anggota Lembaga Pengarah untuk Menentusahkan Deraf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-31 (2026/2).

## 2.0 LATAR BELAKANG

Bermula dari MAP yang telah diadakan pada 19 Februari 2011, mesyuarat bersetuju supaya pelantikan jawatankuasa tersebut dimaklumkan pada awal mesyuarat bagi membolehkan anggota jawatankuasa yang dilantik menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat supaya boleh meneliti deraf minit yang disediakan agar tepat.

## 3.0 CADANGAN

Atas alasan yang sama seperti di Perkara 2.0, Lembaga Pengarah mencadangkan anggota-anggota perwakilan seperti di bawah dilantik semula sebagai Anggota Jawatankuasa Menentusahkan Deraf Minit MAP Ke-31 (2026/2) seperti yang berikut :-

| BIL | NAMA PERWAKILAN | NO. ANGGOTA | KAWASAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Pengerusi Sekatarakyat | - | ALP |
| 2 | Setiausaha Kehormat | - | ALP |
| 3 | Saliman Zainal | 955 | ALP |
| 4 | Mohd Khuzaini Ab Ghani | 1815 | ALP |
| 5 | Abdul Lidzam Muhamad Alias | 1138 | 1 |
| 6 | Nor Laily Nor Anuar | 1756 | 1 |
| 7 | Mohamad Thuairi Mohamad Tayeb | 2167 | 1 |
| 8 | Mohd Hanafiah Mohd Nawawi | 3162 | 1 |
| 9 | Kalthom Ali | 4033 | 1 |
| 10 | Pengerusi Mesyuarat | - | - |

*** Nota : semua calon telah dihubungi dan bersetuju dengan pelantikan*

## 4.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-31 (2026/2) dipohon meluluskan cadangan ini.

## PERKARA 2

## MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE TIGA PULUH (KE-30) / 2026 PADA 14 FEBRUARI 2026

SEKATARAKYAT

**KKBR / PengesahanMinit MAP Ke-30 / SKM WP – 2026**

12 Mac 2026

**Tuan Haji Fadilah Salim**
**Pengarah**
**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan**
Aras 1, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan
Off Jalan Semantan, Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

RECEIVED
12 MAR 2026
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan

*Assalamualaikum wbt,*
Tuan Haji,

**PENYERAHAN PENGESAHAN & MINIT MAP KALI KE-30/2026**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Seperti yang sedia maklum, **Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat)** telah mengadakan **Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-30** pada **14 Februari 2026 (Sabtu)** yang lalu di **Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Tingkat 2A, Menara 2, MKBR, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur).**

Bersama ini, disertakan **Minit MAP Kali Ke-30/2025** yang telah disahkan oleh Anggota Jawatankuasa Menentusahkan Deraf Minit MAP Sekatarakyat Kali Ke-29 untuk makluman dan perhatian Tuan Haji selanjutnya.

Untuk makluman, **Jawatankuasa Menentusahkan Deraf Minit MAP Sekatarakyat Kali Ke-30/2024** terdiri daripada :-

| BIL | NAMA | NO. ANGGOTA | JAWATAN | NO. KAWASAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Datuk Mohamed Arsad Sehan | 530 | Pengerusi | ALP |
| 2 | Hasrul Liza Shah Rudin | 1291 | Setiausaha Kehormat | ALP |
| 3 | Saliman Zainal | 955 | Anggota Lembaga Pengarah | ALP |
| 4 | Mohd Khuzaini Ab Ghani | 1815 | Anggota Lembaga Pengarah | ALP |
| 5 | Abdul Lidzam Muhamad Alias | 1138 | Anggota Perwakilan | 1 |
| 6 | Nor Laily Nor Anuar | 1756 | Anggota Perwakilan | 1 |
| 7 | Mohamad Thuairi Mohamad Tayeb | 2167 | Anggota Perwakilan | 1 |
| 8 | Mohd Hanafiah Mohd Nawawi | 3162 | Anggota Perwakilan | 1 |
| 9 | Kalthom Ali | 4033 | Anggota Perwakilan | 1 |
| 10 | N Huzaimi Abdul Halim | 1205 | Pengerusi Mesyuarat | 2 |

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD** (4958)
Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur.
03-2273 3315, 2273 5024, 2273 8710
sekata@sekatarakyat.com.my

Sekiranya Tuan Haji mempunyai sebarang pertanyaan, bolehlah berhubung dengan **Encik Mohd Hafiz Bukhari (Eksekutif)** di talian **012-3591404** untuk keterangan lebih lanjut.

Kerjasama dan perhatian Tuan Haji amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

...........................................................

**AHMAD ROZAMAN MOHD YUSOFF**
**Pengurus Besar**
**mhb/neag/army**

*S.k* : *Anis Syahira Azhar*
*Penolong Pengarah – Nasional F, SKM WP*

SEKATARAKYAT

**KKBR / MenentusahkanMinitMAPKe-30 – 2026**

Tarikh :

**Pengurus Besar**
**Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad**
**Sekatarakyat**
Tingkat 2A, Menara 2
Menara Kembar Bank Rakyat Berhad
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral
50470 Kuala Lumpur

RECEIVED
12 MAR 2026
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan

*Assalamualaikum wbt.*
Tuan,

**MENENTUSAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN SEKATARAKYAT KE-30 PADA 14 FEBRUARI 2026**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Untuk makluman, kami telah meneliti deraf **Minit Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Sekatarakyat Ke-30** yang telah diadakan pada **14 Februari 2026 (Sabtu)** di **Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Tingkat 3, Menara 1, MKBR, No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur.**

Sehubungan dengan itu, kami mengesahkan bahawa minit tersebut adalah bertepatan dengan perkara-perkara yang telah dibincangkan dan diputuskan dalam MAP Ke-30 yang lalu.

| BIL | NO. ANGGOTA | KAWASAN | NAMA | JAWATAN | TANDATANGAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 530 | ALP | Datuk Mohamed Arsad Sehan | Pengerusi | |
| 2 | 1291 | ALP | Hasrul Liza Shah Rudin | Setiausaha Kehormat | |
| 3 | 955 | ALP | Saliman Zainal | Anggota Lembaga Pengarah | |
| 4 | 1815 | ALP | Mohd Khuzaini Ab Ghani | Anggota Lembaga Pengarah | |

Page 1 of 2

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (4958)
Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur.
03-2273 3315, 2273 5024, 2273 8710
sekata@sekatarakyat.com.my

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 5 | 1138 | 1 | Abdul Lidzam Muhamad Alias | Anggota Perwakilan | |
| 6 | 1756 | 1 | Nor Laily Nor Anuar | Anggota Perwakilan | |
| 7 | 2167 | 1 | Mohamad Thuairi Mohamad Tayeb | Anggota Perwakilan | |
| 8 | 3162 | 1 | Mohd Hanafiah Mohd Nawawi | Anggota Perwakilan | |
| 9 | 4033 | 1 | Kalthom Ali | Anggota Perwakilan | |
| 10 | 1205 | 2 | N Huzaimi Abdul Halim | Pengerusi Mesyuarat | |

Sekian, terima kasih.

<u>Nota</u>

✓ **Kawasan :**
- **ALP : Anggota Lembaga Pengarah**
- **1 : Ibu Pejabat, Menara 1, MKBR**
- **2 : Anggota Bersara**

Page 2 of 2

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**SEKATARAKYAT (4958)**

## MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-30/2026

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | **14 Februari 2026 (Sabtu)** |
| **Tempat** | : | **Balai Tan Sri Sheikh Ahmad**<br>**Tingkat 3, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat**<br>**No. 33, Jalan Rakyat**<br>**50470 Kuala Lumpur** |
| **Masa** | : | **10.40 – 11.39 pagi** |
| **Kehadiran** | : | **174 orang Anggota Perwakilan**<br>**(*Lampiran 1*)** |
| **Turut Hadir** | : | **Jawatankuasa Audit Dalaman**<br>**Jawatankuasa Syariah**<br>**Barisan Pengurusan**<br>**(*Lampiran 2*)** |

RECEIVED
12 MAR 2026
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan

### PERMULAAN MESYUARAT

Pelantikan Pengerusi Mesyuarat dan Pencatat Minit

Sebelum mesyuarat dimulakan, Datuk Mohamed Arsad Sehan (530) selaku Pengerusi Sekatarakyat mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan memaklumkan kehadiran adalah mencukupi korum untuk meneruskan MAP 2026 dan seterusnya memperkenalkan barisan Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat, Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Syariah dan barisan pengurusan Sekatarakyat.

Pengerusi Sekatarakyat juga memaklumkan mengenai agenda ke-4 iaitu memilih anggota-anggota Lembaga Pengarah. Pengerusi telah memaklumkan bahawa permohonan penentusahan calon memenuhi kriteria "layak dan sesuai" sebagai Anggota Lembaga Koperasi di bawah subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993 telah diterima daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada 9 Februari 2026 melalui saluran emel rasmi Sekatarakyat. Walaubagaimanapun, hanya 3 calon baharu sahaja yang disahkan memenuhi kriteria "layak dan sesuai" manakala baki 3 calon Anggota Lembaga Pengarah yang gugur dan 2 Anggota Lembaga Pengarah sedia ada tidak dipertimbangkan untuk memenuhi kriteria "layak dan sesuai" iaitu Datuk Mohamed Arsad Sehan (Pengerusi), Dato' Mustafha Abd Razak (Bendahari Kehormat), Tn. Hj Mohd Salleh Mahmood, En. Suhaimi Che Omar dan En. Zakaria Abdul Majid. 3 calon Anggota Lembaga Pengarah dan 2 Anggota Lembaga Pengarah sedia ada yang tidak dipertimbangkan penentusahannya kerana *bukanlah seorang perwakilan yang dipilih dalam mesyuarat agung kawasan*. Sehubungan itu, Sekatarakyat telah mengemukakan rayuan kepada SKM pada 10 Februari 2026 tetapi rayuan tersebut tidak dapat dipertimbangkan oleh SKM menerusi makluman rasmi melalui saluran emel kepada Sekatarakyat pada 13 Februari 2026. Pengerusi juga telah memaklumkan bahawa keputusan SKM itu bertentangan dengan keputusan dan amalan mereka bertahun-tahun sebelum ini dan tiada

sebarang makluman rasmi atau pekeliling diterima daripada SKM mengenai peraturan baharu bahawa Anggota Lembaga Pengarah hendaklah berada dalam mana-mana kawasan dan dilantik menjadi perwakilan pada mesyuarat agung kawasan. Perkara ini hanya dimaklumkan secara rasmi semasa penerimaan keputusan penentusahan pada 9 Februari 2026 iaitu 4 hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan ini. Disebabkan situasi tersebut Pengerusi telah mengemukakan 2 cadangan untuk pertimbangan mesyuarat bagi agenda ke-4 iaitu :

i. Menangguhkan Mesyuarat Agung Perwakilan ini bagi membuat persiapan memenuhi keperluan keputusan baharu SKM, atau
ii. Mengadakan 2 sesi Mesyuarat Agung Perwakilan iaitu pada 14 Februari 2026 bagi meluluskan semua agenda kecuali agenda ke-4 iaitu memilih anggota-anggota Lembaga Pengarah dan pada 2 Mei 2026 untuk meluluskan agenda ke-4 setelah persiapan memenuhi keperluan keputusan baharu SKM diselesaikan

Walaubagaimanapun, terdapat 1 cadangan baharu daripada Ustaz Mohd Hanafiah Mohd Nawawi (3162) dari Kawasan 1 iaitu meneruskan semua agenda mesyuarat seperti biasa termasuk agenda ke-4 iaitu memilih anggota-anggota Lembaga Pengarah dan undian hanya dilaksanakan kepada calon-calon yang telah disahkan oleh SKM memenuhi kriteria "layak dan sesuai" bagi pelantikan Anggota Lembaga Pengarah.

Setelah undi dilakukan, mesyuarat dengan majoriti besar bersetuju dengan Cadangan ii iaitu mengadakan 2 sesi Mesyuarat Agung Perwakilan iaitu pada 14 Februari 2026 bagi meluluskan semua agenda kecuali agenda ke-4 iaitu memilih anggota-anggota Lembaga Pengarah dan pada 2 Mei 2026 untuk meluluskan agenda ke-4 yang ditangguhkan.

Bagi melancarkan perjalanan mesyuarat, Pengerusi meminta perwakilan yang hadir untuk memilih seorang perwakilan untuk menjadi Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-30. En. Badli Sham Abu Bakar (1462) dari Kawasan 53 telah mencadangkan En. N Huzaimi Abdul Halim (1205) dari Kawasan 2 dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat pada kali ini. En. Mohamad Rosli Md Ali (4108) dari Kawasan 1 telah menyokong pelantikan Pengerusi mesyuarat tersebut dan mencadangkan cadangan ditutup. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

Mesyuarat juga sebulat suara bersetuju melantik Penolong Pengurus Operasi Sekatarakyat, En. Mohammad Faizul Md Yunus sebagai pencatat minit.

Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsad Sehan seterusnya menjemput En. N Huzaimi Abdul Halim (1205) untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-30.

En. N Huzaimi Abdul Halim (1205) dari Kawasan 2 mengucapkan terima kasih atas pelantikan tersebut dan menyatakan akan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan memohon agar semua perwakilan dapat memberikan kerjasama dari mula hingga mesyuarat selesai dengan penuh tertib dan bertanggungjawab.

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**SEKATARAKYAT (4958)**

**PERKARA 1.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-29**

1.1 Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsad Sehan membentangkan minit mesyuarat agung perwakilan yang lalu yang terdapat dalam buku mesyuarat dari muka surat MAP30 hingga MAP58. Minit tersebut telah ditentusahkan oleh jawatankuasa yang telah dilantik oleh mesyuarat agung perwakilan yang lalu.

1.2 Pn. Noor Aida Mohd Saad (2168) dari Kawasan 37 mencadangkan minit Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-29 diterima dan disahkan. Pn. Siti Zaliha Sopar (137) dari Kawasan 2 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

**PERKARA 2.0 MENIMBANG LAPORAN-LAPORAN LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN & SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA ATAS AKAUN-AKAUN TERAUDIT DAN LAPORAN LEMBAGA KOPERASI**

2.1 Pengerusi Sekatarakyat membentangkan laporan Lembaga Pengarah bagi tahun 2025 dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2025 seperti yang tertera dalam buku laporan tahunan di muka surat MAP62 hingga MAP227.

| Bil | Perkara | Kandungan | Muka Surat |
|---|---|---|---|
| 8 | 2 | Menimbang laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas akaun-akaun teraudit dan Lembaga Koperasi | |
| | | 1) Laporan Lembaga Pengarah | MAP 62 – MAP 88 |
| | | a) Profil Anggota Lembaga Pengarah | MAP 90 – MAP 100 |
| | | b) Tugas dan Tanggungjawab Anggota Lembaga Pengarah | MAP 101 – MAP 103 |
| | | c) Senarai Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah tahun 2025 | MAP 104 |
| | | d) Senarai Mesyuarat Portfolio Lembaga Pengarah tahun 2025 | MAP 105 – MAP 108 |
| | | e) Laporan Mesyuarat, Perbincangan & Lawatan Rasmi Anggota Lembaga Pengarah Sepanjang Tahun 2025 | MAP 109 |
| | | f) Laporan Lawatan Rasmi Hartanah Milik Sekatarakyat oleh Anggota Lembaga Pengarah Sepanjang Tahun 2025 | MAP 110 |
| | | g) Laporan butiran perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada pihak individu Lembaga Pengarah Sekatarakyat tahun 2025 | MAP 111 |
| | | h) Senarai Lembaga Pengarah menghadiri kursus / seminar / persidangan tahun 2025 | MAP 112 |
| | | i) Perancangan Jangka Masa Hadapan Sekatarakyat | MAP 113 – MAP 114 |
| | | j) Polisi Integriti | MAP 115 |
| | | k) Laporan Komiti "*Environmental, Social & Governance*" (ESG) | MAP 116 – MAP 117 |
| | | l) Laporan Jawatankuasa Pencalonan | MAP 119 |
| | | m) Laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko | MAP 121 – MAP 122 |
| | | n) Laporan Jawatankuasa Disiplin | MAP 124 |
| | | o) Laporan Jawatankuasa Pelaburan | MAP 126 |
| | | p) Laporan Jawatankuasa Imbuhan | MAP 128 |
| | | q) Laporan Jawatankuasa Syariah | MAP 130 – MAP 133 |
| | | 2) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman 2025 | MAP 136 – MAP 141 |
| | | 3) Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas akaun teraudit pada 31 Disember 2025 | MAP 142 |

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT (4958)

2.2 En. Mohd Azim Bin Abdul Ghani (5639) dari Kawasan 85 mencadangkan Perkara 2 seperti yang terdapat dalam buku laporan mesyuarat diterima dan cadangan beliau disokong oleh Pn. Noorraihan Binti Hassan (4335) dari Kawasan 2. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

**PERKARA 3.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI BERDAFTAR DAN SUBSIDIARI ATAU SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA, JIKA ADA, BERSAMA-SAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT**

3.1 Bendahari Kehormat Sekatarakyat memberikan penerangan lanjut tentang akaun-akaun teraudit bagi tahun 2025 dan Laporan Juruaudit Koperasi yang telah diaudit oleh juruaudit luar iaitu Tetuan Jamal Amin & Partners seperti yang dinyatakan di muka surat MAP145 hingga MAP227 untuk diluluskan oleh mesyuarat seperti rumusan yang berikut:-

**a) Penyata Pendapatan – Rumusan**

## 1. PENYATA PENDAPATAN - RUMUSAN

| PERKARA/TAHUN | 2021 RMJUTA | 2022 RMJUTA | 2023 RMJUTA | 2024 RMJUTA | 2025 RMJUTA | Beza Tahun 2025 vs 2024 RMJUTA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Pendapatan | 60.83 | 79.32 | 110.24 | 133.47 | 180.87 | 47.40 |
| Kos Jualan | 23.66 | 32.41 | 55.53 | 62.65 | 98.86 | 36.21 |
| Keuntungan Kasar | 37.17 | 46.91 | 54.71 | 70.82 | 82.01 | 11.19 |
| Perbelanjaan Am | 10.62 | 10.88 | 11.45 | 15.47 | 16.87 | 1.40 |
| Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan | 6.81 | 9.21 | 11.85 | 12.04 | 15.58 | 3.54 |
| **Keuntungan bersih sebelum Keuntungan & Hibah Deposit Anggota, Ibra' dan Cukai** | **23.28** | **26.82** | **31.41** | **43.31** | **49.56** | **6.25** |
| Keuntungan Deposit Anggota | | 18.77 | -0.34 | | | 0.00 |
| Hibah Deposit Anggota | | 2.63 | | | | 0.00 |
| Ibra' | 3.54 | 3.71 | 3.72 | 2.98 | 3.71 | 0.73 |
| **Keuntungan yang boleh dibahagikan** | **19.74** | **1.71** | **28.03** | **40.33** | **45.85** | **5.52** |

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT (4958)

## b) Penyata Kedudukan Kewangan – Aset

### 2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN - ASET

| PERKARA/TAHUN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | Beza Tahun 2025 vs 2024 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM/JUTA | RM/JUTA | RM/JUTA | RM/JUTA | RM/JUTA | RM/JUTA |
| Pembiayaan Anggota | 326.3 | 348.3 | 392.7 | 476.5 | 533.0 | 56.4 |
| Pembiayaan Ar-Rahnu | 203.5 | 298.9 | 372.0 | 569.1 | 1156.3 | 587.2 |
| Aset Lain | 127.4 | 429.6 | 475.8 | 550.1 | 579.7 | 29.7 |
| JUMLAH | 657.2 | 1,076.8 | 1,240.5 | 1,595.7 | 2,269.0 | 673.3 |








KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT (4958)

c) Penyata Kedudukan Kewangan – Kumpulan Wang Anggota & Liabiliti

## 2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN - KUMPULAN WANG ANGGOTA & LIABILITI

d) Penyata Pembahagian Keuntungan – Keuntungan Yang Boleh Dibahagikan

## 3. AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN - KEUNTUNGAN YANG BOLEH DIBAHAGIKAN

| PERKARA/TAHUN | 2020 RM/JUTA | 2021 RM/JUTA | 2022 RM/JUTA | 2023 RM/JUTA | 2024 RM/JUTA | 2025 RM/JUTA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Keuntungan bersih sebelum Keuntungan & Hibah Deposit Anggota, Bira' dan Cukai | [illegible] | 23.28 | 26.82 | 31.42 | 43.30 | 49.66 |
| Keuntungan atas Deposit Anggota | | | 12.77 | (0.53) | | |
| Hibah Deposit Anggota | | | 2.04 | | | |
| Bira' | 3.63 | 3.54 | 3.21 | 3.22 | 2.97 | 3.73 |
| Hibah Langganan Anggota | | | | | | 0.10 |
| Keuntungan yang boleh dibahagikan | 19.78 | 19.74 | 1.71 | 28.01 | 40.31 | 45.85 |
| Pembahagian Berkanun | 1.26 | 1.53 | 0.26 | 3.64 | 5.25 | 6.56 |
| Dividen Anggota | [illegible] | 15.76 | 21.75 | 22.56 | 32.91 | 35.80 |
| [illegible] | 0.13 | | | - | 2.04 | 0.12 |
| Tabung Khairat Anggota | 0.27 | [illegible] | 0.21 | 0.37 | 0.70 | 1.30 |
| Tabung persaraan kakitangan | - | [illegible] | 0.25 | 0.25 | 2.12 | 0.30 |
| Kumpulan Wang Penebusan Syer | | | | | | 0.06 |
| Peruntukan zakat tahun semasa | 0.88 | 0.60 | - | 0.70 | - | 1.10 |
| Peruntukan zakat tahun sebelum | 0.15 | [illegible] | 0.24 | 0.33 | 0.30 | 0.35 |
| Jumlah Pembahagian | 18.18 | 22.33 | 26.22 | 31.37 | 42.51 | 49.41 |
| % Pembahagian Keuntungan | 93.60% | 95.92% | 97.76% | 99.64% | 98.22% | 99.50% |

Page 6 of 24

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT (4958)

e) Akaun Pembahagian Keuntungan – Pulangan Kepada Anggota




| TAHUN | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM/JUTA | RM/JUTA | RM/JUTA | RM/JUTA | RM/JUTA | RM/JUTA |
| [illegible] | [illegible] | [illegible] | [illegible] | [illegible] | [illegible] | [illegible] |

f) Akaun Pembahagian Keuntungan – Cadangan Dividen Modal Yuran & Syer




3.2 Bendahari Kehormat Sekatarakyat telah memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pandangan SKM terhadap Kunci Kira-kira 31 Disember 2025 masih belum diterima dan akan

dibentangkan pada Mesyuarat Agung Perwakilan akan datang.

3.3 Bendahari Kehormat juga telah membentangkan peruntukan ke atas hutang lapuk Ar-Rahnu X'Change Hulu Langat berjumlah RM3.47 juta. Peruntukan dibuat kerana terdapat 11 akaun penggadai yang terlibat dari segi manipulasi berat bagi barangan emas. Walaubagaimanapun Sekatarakyat telah menghantar permohonan tuntutan *fidelity guarantee* yang berjumlah RM1 juta daripada syarikat takaful dan proses peleburan juga akan dilaksanakan bagi mendapatkan emas asli untuk mengurangkan kerugian Sekatarakyat.

3.4 Selain itu, Bendahari Kehormat juga turut memaklumkan bahawa terdapat 1 lagi peruntukan akan dibuat bagi mematuhi Garis Panduan 23 SKM iaitu membuat peruntukan sebanyak 100% ke atas bayaran balik pembiayaan yang tidak diterima melebihi 6 bulan. Walaubagaimanapun peruntukan tersebut hanya akan dilaksanakan mulai tahun 2026 memandangkan perkara tersebut dikenalpasti selepas Laporan Kewangan Teraudit 2025 dikeluarkan oleh Juruaudit Luar.

3.5 En. Mohamad Rosli Md Ali (4108) dari Kawasan 1 mencadangkan akaun-akaun teraudit Sekatarakyat bersama-sama dengan laporan juruaudit diluluskan dan cadangan beliau disokong oleh Abdul Halim Hasan (4241) dari Kawasan 1. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

**PERKARA 4.0 MEMILIH ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA**

4.1 Pengerusi mesyuarat telah membentangkan 2 cadangan kepada mesyuarat seperti yang berikut :

i. Cadangan 1 : Pemilihan anggota-anggota Lembaga Pengarah akan dilaksanakan pada Mesyuarat Agung Perwakilan ke-2 yang dijangka berlangsung pada 2 Mei 2026 tetapi tertakluk kepada makluman rasmi oleh Sekatarakyat.

ii. Cadangan 2 : Pemilihan anggota-anggota Lembaga diteruskan untuk undian bagi calon-calon yang telah mendapat pengesahan memenuhi kriteria "layak dan sesuai"

4.2 Undian telah dilaksanakan secara fizikal melalui isyarat mengangkat tangan dan keputusan adalah seperti yang berikut :

i. Cadangan 1 : Majoriti
ii. Cadangan 2 : 3 orang

4.3 Mesyuarat telah bersetuju untuk menangguhkan agenda pemilihan anggota-anggota Lembaga Pengarah dan akan dilaksanakan pada Mesyuarat Agung Perwakilan berikutnya.

**PERKARA 5.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUNAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2026**

5.1 Bendahari Kehormat Sekatarakyat membentangkan dan memberikan penerangan berkenaan belanjawan bagi tahun kewangan 2026 seperti yang terdapat dalam buku laporan dari muka surat MAP231 hingga MAP262 dengan rumusan seperti yang berikut:-




5.2 En. Mohamad Helmi Abdullah Sani (7489) dari Kawasan 102 mencadangkan belanjawan tahunan bagi tahun kewangan 2026 diluluskan. Pn. Rusngaton Hassan (257) dari Kawasan 2 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

**PERKARA 6.0 MELULUSKAN ELAUN-ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH, SARAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH DAN PEMAKLUMAN PENUTUPAN SYARIKAT SEKATA PANACOM SDN.BHD.**

6.1 Bendahari Kehormat Sekatarakyat memaklumkan kepada mesyuarat, bahawa Lembaga Pengarah memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan bagi 4 cadangan seperti yang dibentangkan dalam buku mesyuarat dari muka surat MAP265 sehingga MAP284 seperti yang berikut :-

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT (4958)

a) Cadangan Elaun Mesyuarat Lembaga Pengarah

Cadangan bayaran elaun mesyuarat pada kadar RM200.00 seorang bagi satu mesyuarat, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM1,000.00 seorang sebulan kepada sembilan (9) orang Anggota Lembaga Pengarah bagi tahun 2026.

b) Cadangan Elaun Tetap Anggota Lembaga Pengarah

Cadangan jumlah bayaran elaun tetap dikekalkan kepada RM1,500.00 sebulan bagi seorang Anggota Lembaga Pengarah bagi tahun 2026.

c) Cadangan Perbelanjaan Takaful Group Hospital & Surgical Dan Rawatan Pesakit Luar Bagi Anggota Lembaga Pengarah

Cadangan kemudahan berkenaan Takaful Group Hospital & Surgical dan rawatan pesakit luar melibatkan perbelanjaan tidak melebihi RM21,822.96 setahun bagi tujuh orang anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat yang telah dan akan bersara daripada perkhidmatan Bank Rakyat dan tiada skim perlindungan.

d) Pemakluman Penutupan Syarikat Sekata Panacom Sdn. Bhd

Lembaga Pengarah memaklumkan bagi penutupan Syarikat Sekata Panacom Sdn. Bhd atas faktor-faktor seperti yang berikut :

i. Tidak lagi mendapat tawaran kerja-kerja baharu daripada pihak Bank Rakyat
ii. Mengalami kerugian selama 4 tahun bermula tahun 2022 sehingga tahun 2025
iii. Mengurangkan kos kendalian dan pentadbiran syarikat Sekata Panacom dan mengelakkan penambahan kerugian terkumpul
iv. Faktor kesihatan Lembaga Pengarah Sekata Panacom (Mr. CH Lee) yang menghidap minor stroke menjejaskan operasi Sekata Panacom serta akan berlaku perubahan dalam tadbir urus Panacom Sales & Services Sdn. Bhd
v. Syarikat induk Panacom Sales & Services Sdn. Bhd akan mengubah hala tuju syarikat berkenaan dalam bidang kosmetik setelah ditukar hak milik kelak

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT (4958)

6.2 Pn. Nor Laily Nor Anuar (1756) dari Kawasan 1 mencadangkan supaya semua cadangan yang dibentangkan diluluskan. Cadangan beliau telah disokong oleh Ustaz Mohd Hanafiah Mohd Nawawi dari Kawasan 1. Mesyuarat sebulat suara bersetuju meluluskan semua cadangan tersebut.

**PERKARA 7.0 MELULUSKAN PELANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI TIDAK KURANG DARIPADA DUA FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN ATAU LAIN-LAIN FIRMA YANG BERKAITAN**

| | xiii. mengadakan kerjasama dengan pihak luar bagi menjalankan projek-projek usahasama<br>xiv. menjalankan perkhidmatan menjahit dan baik pulih/ menjahit pakaian dan kelengkapan serta perkhidmatan pembekalan<br>xv. menjalankan perkhidmatan pemindahan barang-barang, pembungkusan dan perpindahan<br>xvi. menjalankan perniagaan pengendalian sistem kawalan komputer<br>xvii. menjadi pengedar barangan runcit, kosmetik, barangan kesihatan dan pengimport serta pengeksport berasaskan makanan<br><br>(b) menjalankan aktiviti kebajikan dan Pendidikan anggota;<br>(c) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;<br>(d) melaburkan wang berlebihan di dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;<br>(e) mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya; dan<br>(f) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi lain. | xiii. mengadakan kerjasama dengan pihak luar bagi menjalankan projek-projek usahasama<br>xiv. menjalankan perkhidmatan menjahit dan baik pulih/ menjahit pakaian dan kelengkapan serta perkhidmatan pembekalan<br>xv. menjalankan perkhidmatan pemindahan barang-barang, pembungkusan dan perpindahan<br>xvi. menjalankan perniagaan pengendalian sistem kawalan komputer<br>xvii. menjadi pengedar barangan runcit, kosmetik, barangan kesihatan dan pengimport serta pengeksport<br><br>(b) menjalankan aktiviti kebajikan dan Pendidikan anggota;<br>(c) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;<br>**(d) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki gudang termasuk gudang pintar berkonsepkan sistem penyimpanan dan pengambilan automatik serta perniagaan logistik;**<br>**(e)** melaburkan wang berlebihan di dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;<br>**(f)** mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya;<br>**(g) menyertai usahasama; dan**<br>**(h) menjadi anggota kepada koperasi lain.** |

## 4.0 ALASAN CADANGAN

4.1 Penambahan aktiviti Perkara 9 (1)

4.1.1 Meluaskan rangkaian perniagaan Sekatarakyat untuk menambah pendapatan.

4.1.2 Memberi peluang untuk menceburi bidang-bidang perniagaan baharu yang menjadi prospek pendapatan akan datang.

4.1.3 Mempelbagaikan perniagaan selaras dengan keperluan industri dan juga permintaan semasa.

4.1.4 Membolehkan untuk menceburi perniagaan gudang dan hal-hal yang berkaitan logistik.

4.2 Perkara 9(1) (f) yang asal diasingkan bagi memberikan maksud yang jelas terhadap aktiviti yang akan dijalankan iaitu menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi lain.

**5.0 KESIMPULAN**

Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-31(2026/2) dipohon meluluskan cadangan ini.

# PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL PERKARA 26(2) : PEMILIHAN PERWAKILAN DAN URUSAN MESYUARAT AGUNG KAWASAN

**CADANGAN PINDAAN UNDANG – UNDANG KECIL (UUK) SEKATARAKYAT PERKARA 26 (2) : PEMILIHAN PERWAKILAN DAN URUSAN MESYUARAT AGUNG KAWASAN**

## 1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-31 (2026/2) bagi melaksanakan pindaan undang – undang kecil (UUK) Sekatarakyat perkara 26 (2) .

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Merujuk kepada Undang – undang kecil perkara 26 (1) Lembaga boleh menentukan kawasan mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung di tiap-tiap kawasan untuk memilih perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan. Setiap kawasan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua puluh (20) orang anggota ;

a. mesyuarat agung kawasan akan diadakan sekurang kurangnya dua (2) tahun sekali, iaitu satu (1) bulan sebelum mesyuarat agung perwakilan.

b. seorang wakil akan kekal menjadi perwakilan selagi dia menjadi anggota sehingga mesyuarat agung kawasan yang akan datang memilih perwakilan-perwakilan yang baru, walaupun telah diarahkan berpindah ke cawangan lain oleh majikan iaitu Bank Rakyat.

c. sekiranya wakil tersebut menarik diri dari menjadi perwakilan dan/atau berhenti menjadi anggota, nama kedua yang dipilih oleh anggota-anggota di sesuatu kawasan tersebut, akan secara automatik menjadi perwakilan menggantikan perwakilan yang telah menarik diri mahupun telah berhenti menjadi anggota tersebut.

d. Sekíranya perwakilan kedua yang dicalonkan tidak dapat menjadi wakil atas apa jua sebab, maka kawasan tersebut hilang hak perwakilan.

2.2 Merujuk kepada Undang – undang kecil perkara 26 (2) bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu kawasan hendaklah mengikut nisbah anggota seperti yang berikut :

a. bagi tiap-tiap dua puluh (20) orang anggota, seorang perwakilan

b. tiap-tiap tambahan dua puluh (20) orang anggota berikutnya seorang perwakilan, dan
c. jumlah perwakilan bagi sesuatu kawasan hendaklah tidak melebihi sepuluh (10) orang

## 3.0 CADANGAN

Lembaga Pengarah mencadangkan pindaan undang – undang kecil seperti yang berikut :

| Perkara | Asal | Pindaan |
|---|---|---|
| 26 (2) | Bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu kawasan hendaklah mengikut nisbah anggota seperti berikut :<br><br>(a) bagi tiap-tiap dua puluh (20) orang anggota, seorang perwakilan<br><br>(b) tiap-tiap tambahan dua puluh (20) orang anggota berikutnya seorang perwakilan dan<br><br>(c) jumlah perwakilan bagi sesuatu kawasan hendaklah tidak melebihi sepuluh (10) orang: | Bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu kawasan hendaklah mengikut nisbah anggota seperti berikut :<br><br>(a) bagi tiap-tiap dua puluh (20) orang anggota, seorang perwakilan<br><br>(b) tiap-tiap tambahan dua puluh (20) orang anggota berikutnya seorang perwakilan dan<br><br>**(c) jumlah perwakilan bagi sesuatu kawasan hendaklah tidak melebihi lima belas (15) orang:** |

## 4.0 ALASAN CADANGAN

4.1 Isu ketidakseimbangan perwakilan yang mana terdapat kawasan yang mempunyai bilangan anggota yang terlalu ramai berbanding kawasan yang sedikit.

4.2 Menetapkan jumlah perwakilan berdasarkan nisbah bilangan anggota.

4.3 Memberi peluang kepada anggota di kawasan yang mempunyai bilangan anggota yang ramai untuk menjadi perwakilan.

## 5.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-31 (2026/2) dipohon meluluskan cadangan ini.

**PERKARA 5(b)**

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN ATURAN-ATURAN SEKATARAKYAT**

i. **ATURAN PERNIAGAAN DAGANGAN IMPORT DAN EXPORT**
ii. **ATURAN AKTIVITI HARTA TAK ALIH**
iii. **MEWUJUDKAN SKIM PEMBIAYAAN DARIPADA ANGGOTA SERTA MEWUJUDKAN ATURAN AKTIVITI BERKAITAN**

# ATURAN PERNIAGAAN DAGANGAN IMPORT DAN EXPORT

## CADANGAN BAGI ATURAN PERNIAGAAN DAGANGAN IMPORT DAN EXPORT

### 1.0 TUJUAN

Cadangan ini bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-31 (2026/2) untuk mewujudkan Aturan Perniagaan Dagangan Import Dan Export.

### 2.0 LATAR BELAKANG

2.1. Aktiviti perniagaan import dan eksport telah diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil Sekatarakyat. Namun demikian, tiada aturan khusus yang mengawal pelaksanaannya.

2.2. Aktiviti dagangan import dan export ini dapat membantu koperasi mengembangkan perniagaan melalui aktiviti import dan eksport.

2.3. Penglibatan dalam perdagangan antarabangsa dapat meningkatkan pendapatan dan daya saing Koperasi.

2.4. Justeru, satu aturan khusus diperlukan bagi memastikan semua aktiviti perdagangan dilaksanakan secara teratur, sistematik dan terkawal.

2.5. Aturan ini juga bertujuan memperkukuh tadbir urus, kawalan dalaman dan pengurusan risiko Koperasi dan menjadi panduan kepada Lembaga Pengarah dan pengurusan dalam membuat keputusan berkaitan perdagangan antarabangsa.

### 3.0 CADANGAN

3.1. Lembaga Pengarah mencadangkan agar Aturan Dagangan Import dan Export diwujudkan bagi aktiviti perniagaan import dan eksport seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran 1 untuk kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan ini.

3.2. Secara ringkasnya Aturan Dagangan Import dan Export merangkumi perkara-perkara yang berikut:

1. Pengenalan
2. Tafsiran
3. Tujuan
4. Skop
5. Jenis aktiviti perniagaan dagangan import dan export
6. Peranan dan tanggungjawab
7. Proses aliran kelulusan

## 4.0 ALASAN CADANGAN

4.1 Alasan cadangan bagi mewujudkan aturan perniagaan dagangan import dan export ini adalah untuk menyediakan garis panduan operasi yang jelas bagi aktiviti dagangan import dan export.

4.2 Selain itu, aturan ini juga diperlukan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dagangan dengan proses yang standard dalam membantu mempercepatkan urusan pembelian, penghantaran, dokumentasi dan pelepasan kastam.

## 5.0 RUMUSAN

Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-31(2026/2) dipohon meluluskan cadangan ini.

LAMPIRAN 1

# ATURAN PERNIAGAAN DAGANGAN IMPORT DAN EXPORT

**KANDUNGAN**

1.0 Pengenalan
2.0 Tafsiran
3.0 Tujuan
4.0 Skop
5.0 Jenis aktiviti perniagaan dagangan import dan export
6.0 Peranan dan tanggungjawab
7.0 Proses aliran kelulusan

## ATURAN PERNIAGAAN DAGANGAN IMPORT DAN EXPORT

### 1.0 Pengenalan

1.1 Dokumen ini dinamakan **ATURAN PERNIAGAAN DAGANGAN IMPORT DAN EXPORT**

1.2 Dokumen ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen-dokumen berikut:

i. Undang-undang Kecil (UUK) Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat).
ii. Akta Koperasi 1993 Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010

1.3 Aturan Perniagaan Dagangan Import dan Eksport ini diwujudkan sebagai garis panduan kepada Koperasi dalam melaksanakan aktiviti perdagangan antarabangsa secara teratur, berdaya saing dan mematuhi kehendak perundangan yang berkuat kuasa.

1.4 Aturan ini menjadi panduan rasmi bagi semua aktiviti dagangan import dan export koperasi bagi memastikan semua aktiviti dagangan import dan eksport dilaksanakan berdasarkan prinsip tadbir urus yang baik.

### 2.0 Tafsiran

Bagi tujuan dokumen ini, tafsiran berikut adalah diguna pakai:

**2.0** **“Akta”** ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

**2.1** **“Arahan”** ertinya arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

2.2 **“Aturan”** ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Undang-undang Kecil dan kelulusan mesyuarat agung;

2.3 **“Garis Panduan”** ertinya garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dari semasa ke semasa;

2.4 **“Koperasi”** ertinya Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat);

2.5 **“Lembaga”** ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

2.6 **“Peraturan”** ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

2.7 **“Suruhanjaya”** ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Akta Koperasi 1993;

2.8 **“Undang-undang Kecil (UUK)”** ertinya Undang-undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini bagi menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar Undang-undang kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

2.9 **“Dagangan”** Apa-apa aktiviti urus niaga jual beli barang, produk, komoditi atau perkhidmatan yang dijalankan oleh Koperasi sama ada di dalam atau di luar negara bagi tujuan menjana pendapatan, keuntungan atau nilai ekonomi kepada Koperasi.

2.10 **“Import”** Aktiviti membawa masuk barang, produk, bahan mentah, mesin, peralatan atau apa-apa komoditi dari luar negara ke dalam Malaysia melalui jalan laut, udara atau darat bagi tujuan penggunaan, pemprosesan, pengedaran, perdagangan atau jualan oleh Koperasi.

2.11 **“Eksport”** Aktiviti membawa keluar atau menjual barang, produk, bahan mentah, komoditi atau perkhidmatan dari Malaysia ke luar negara melalui jalan laut, udara atau darat bagi tujuan perdagangan, pemasaran atau penjanaan pendapatan kepada Koperasi.

## 3.0 Tujuan

Pelaksanaan Aturan perniaagan dagangan import dan export ini adalah bertujuan untuk:

3.1 Mematuhi Aturan-aturan di bawah Akta-akta yang berkaitan dengan aktiviti dagangan import dan export.

3.2 Aturan ini dirangka untuk menjadi panduan rasmi bagi semua aktiviti dagangan yang dilaksanakan oleh Sekatarakyat dengan pihak luar.

3.3 Menjadi garis panduan kepada Koperasi dalam melaksanakan aktiviti perdagangan import dan eksport secara teratur, cekap dan berintegriti.

3.4 Memastikan semua urusan dagangan antarabangsa dilaksanakan selaras dengan undang-undang, peraturan, permit dan syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan di dalam dan luar negara.

3.5 Memperkukuhkan tadbir urus, kawalan dalaman dan pengurusan risiko dalam aktiviti import dan eksport bagi melindungi kepentingan Koperasi.

3.6 Mempelbagaikan sumber pendapatan dan memperluaskan peluang perniagaan Koperasi melalui pasaran antarabangsa.

3.7 Menggalakkan kerjasama strategik dengan pembekal, pengedar, ejen dan rakan niaga tempatan atau antarabangsa yang berdaya saing dan berwibawa.

## 4.0 Skop

4.1 Pelaksanaan Aturan perniaagan dagangan import dan export ini meliputi semua aktiviti perdagangan antarabangsa yang dijalankan oleh Koperasi sama ada secara langsung atau melalui anak syarikat, koperasi, ejen, pengedar, pembekal, rakan strategik atau mana-mana pihak yang dilantik oleh Koperasi.

4.2 Skop aktiviti perniagaan dagangan import dan export merangkumi aktiviti seperti yang berikut berikut:

a) Aktiviti import barang, produk, bahan mentah, mesin, peralatan atau komoditi dari luar negara bagi tujuan penggunaan, pemprosesan, pengedaran atau jualan semula.

b) Aktiviti eksport produk, barang, komoditi atau perkhidmatan tempatan ke pasaran antarabangsa.

c) Urusan pembelian, penjualan, pemasaran, pembekalan, pengedaran, pergudangan dan logistik yang berkaitan dengan perdagangan import dan eksport.

d) Pengurusan dokumentasi perdagangan antarabangsa termasuk invois, permit, sijil asal (Certificate of Origin), dokumen penghantaran dan dokumen kastam.

e) Pematuhan kepada undang-undang, peraturan, permit, cukai, duti kastam dan syarat pihak berkuasa berkaitan di Malaysia dan negara luar.

f) Pengurusan kewangan, pembayaran antarabangsa, pertukaran mata wang asing dan kawalan risiko perdagangan.

g) Pelantikan pembekal, ejen penghantaran, pengedar, rakan strategik atau pihak ketiga yang berkaitan dengan aktiviti import dan eksport.

h) Pemantauan, kawalan dalaman, audit dan pelaporan bagi memastikan aktiviti perdagangan dijalankan secara telus, teratur dan mematuhi tadbir urus Koperasi.

## 5.0 Jenis Aktiviti Perniagaan Dagangan Import dan Export

Aktiviti perniagaan dagangan import dan eksport yang akan dijalankan oleh Koperasi adalah merangkumi pelbagai bentuk perdagangan antarabangsa yang bertujuan untuk menjana pendapatan, memenuhi keperluan pasaran serta memperkukuh rantaian bekalan Koperasi. Berikut ialah Jenis aktiviti dagangan import dan export yang akan dijalankan:

1. Import dan Export Barang Dagangan
    - Import dan eksport barang dagangan oleh Koperasi melibatkan barang siap, produk pengguna, barangan industri, mesin, peralatan atau bahan berkaitan dari dan ke luar negara bagi tujuan perdagangan, pengedaran, jualan semula atau kegunaan operasi Koperasi.

2. Import dan Export Bahan Mentah
    - Import dan eksport bahan mentah dari dan ke luar negara bagi tujuan pengeluaran, pemprosesan, pembungkusan, perdagangan atau menyokong operasi perniagaan Koperasi.

3. Import dan Eksport Produk Tempatan
    - Eksport produk tempatan ke luar negara serta import semula (jika berkaitan) bagi tujuan pengembangan pasaran, peningkatan nilai tambah, penjenamaan semula atau pengedaran antarabangsa.

4. Perdagangan Rentas Sempadan (Cross Border Trade)
   - Aktiviti jual beli barangan atau produk dengan negara jiran atau pasaran serantau melalui saluran perdagangan antarabangsa.

5. Perdagangan Borong Antarabangsa
   - Pembelian dan penjualan dalam kuantiti besar antara pembekal luar negara dan pembeli di dalam atau luar negara.

6. Perkhidmatan Logistik dan Pengedaran Antarabangsa
   - Pengurusan penghantaran, penyimpanan, pergudangan dan pengedaran barangan import dan eksport.

7. Perkhidmatan Perdagangan Melalui Ejen atau Rakan Strategik
   - Aktiviti import dan eksport yang dijalankan melalui lantikan ejen, pengedar atau rakan niaga di dalam dan luar negara.

8. Perdagangan Digital / E-Dagang Antarabangsa
   - Penjualan dan pembelian produk melalui platform digital atau e-dagang yang melibatkan transaksi rentas sempadan.

## 6.0 Peranan dan tanggungjawab

| No | Peranan | Tanggungjawab |
|---|---|---|
| 1 | **Lembaga Pengarah**<br>Bertanggungjawab terhadap hala tuju strategik dan kelulusan dasar utama bagi aktiviti dagangan | 1. Meluluskan dasar, polisi dan Aturan Dagangan Import & Eksport Koperasi.<br>2. Meluluskan projek, pelaburan atau transaksi perdagangan berskala besar.<br>3. Menetapkan had kuasa dan garis panduan risiko perdagangan antarabangsa.<br>4. Memantau prestasi keseluruhan aktiviti import dan eksport Koperasi.<br>5. Memastikan pematuhan kepada prinsip tadbir urus, integriti dan perundangan. |
| 2 | **Jawatankuasa Pelaburan**<br>Jawatankuasa ini bertindak sebagai badan saringan dan penilaian sebelum dibawa ke Lembaga Pengarah. | 1. Menilai dan mengesyorkan cadangan perdagangan import dan eksport.<br>2. Menyemak implikasi kewangan, risiko dan pulangan pelaburan.<br>3. Memastikan kawalan kos dan keberkesanan penggunaan dana Koperasi.<br>4. Menyokong proses kelulusan sebelum dibawa ke Lembaga Pengarah (jika melebihi had tertentu). |

| | | |
|---|---|---|
| 3 | **Jawatankuasa Risiko**<br>Jawatankuasa ini bertindak sebagai memastikan semua aktiviti dagangan import dan eksport Koperasi dilaksanakan dengan kawalan risiko yang berkesan, teratur serta mematuhi tahap toleransi risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. | 1. Menilai risiko yang berkaitan dengan setiap cadangan import dan eksport sebelum pelaksanaan.<br>2. Mengenal pasti risiko utama seperti risiko kewangan, risiko rakan niaga, risiko logistik, risiko undang-undang dan risiko pasaran.<br>3. Mencadangkan langkah mitigasi bagi mengurangkan kesan risiko yang dikenal pasti.<br>4. Menetapkan keperluan insurans kargo, jaminan bank atau instrumen perlindungan lain.<br>5. Mengesyorkan penggunaan mekanisme pembayaran selamat seperti Letter of Credit (L/C).<br>6. Menilai tahap kredibiliti, latar belakang dan keupayaan kewangan pembekal atau pembeli antarabangsa<br>7. Memantau pelaksanaan aktiviti import dan eksport dari sudut risiko semasa operasi.<br>8. Memastikan semua aktiviti mematuhi undang-undang perdagangan antarabangsa, kastam, cukai dan permit berkaitan. |
| 4 | **Pengurusan**<br><br><br><br><br><br><br><br><br>**Unit Perdagangan Import & Eksport** | 1. Melaksanakan strategi dagangan import dan eksport yang diluluskan Lembaga Pengarah.<br>2. Mengenal pasti peluang pasaran dan rakan niaga strategik.<br>3. Menyelia proses pembelian, penjualan, logistik dan pengedaran.<br>4. Memastikan pematuhan terhadap SOP, undang-undang dan peraturan perdagangan.<br>5. Menyediakan laporan prestasi dan kewangan kepada Lembaga Pengarah.<br><br>1. Melaksanakan semua urusan operasi import dan eksport.<br>2. Menguruskan pembekal, pembeli, ejen dan rakan logistik.<br>3. Menyediakan dokumen perdagangan seperti invois, packing list dan permit.<br>4. Menguruskan proses penghantaran, kastam dan pelepasan barang.<br>5. Memastikan rekod transaksi disimpan |

| | | |
|---|---|---|
| | **Unit Undang-Undang / Pematuhan (Compliance)** | dengan lengkap dan teratur.<br><br>1. Memastikan semua aktiviti import dan eksport mematuhi undang-undang semasa.<br>2. Menyemak kontrak, perjanjian dan dokumen perdagangan.<br>3. Memastikan pematuhan kepada peraturan Kastam, MITI dan pihak berkuasa lain.<br>4. Menilai risiko perundangan dan menyediakan nasihat pematuhan. |
| **5** | **Rakan Strategik / Pembekal / Ejen** | 1. Melaksanakan tanggungjawab mengikut perjanjian yang dipersetujui.<br>2. Memastikan penghantaran, kualiti dan masa penghantaran dipatuhi.<br>3. Memberi maklumat yang tepat berkaitan status penghantaran dan dokumen.<br>4. Mematuhi semua syarat perdagangan antarabangsa yang ditetapkan Koperasi. |

## 7.0 Proses Aliran Kelulusan

Semua cadangan aturan dagangan import dan export alih hendaklah melalui proses kelulusan yang teratur, berstruktur dan mematuhi had kuasa yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah seperti yang berikut:

1. Pengurusan
   - Saringan awal cadangan projek
   - Penyediaan kertas cadangan (proposal) dan dokumen sokongan
   - Kajian awal kebolehlaksanaan (initial feasibility review)
   - Penentuan sama ada perniagaan wajar dibawa ke peringkat seterusnya

2. Jawatankuasa Pelaburan
   - Penilaian teknikal, kewangan dan komersial projek
   - Semakan struktur perniagaan dagangan import dan export
   - Analisis pulangan perniagaan dagangan import dan export dan cara kerjasama dengan pihak pembekal
   - Syor sama ada projek:
     - Diteruskan ke Jawatankuasa Risiko / Lembaga
     - Diperbaiki semula
     - Ditolak

3. Jawatankuasa Risiko
    - Menilai tahap dan impak risiko keseluruhan bagi perniagaan dagangan
    - Menyemak risiko utama:
        - Kewangan
        - Operasi
        - Undang-undang & pematuhan
        - Pasaran & reputasi
    - Menilai keberkesanan pelan mitigasi risiko
    - Memberi syor akhir dari sudut risiko sama ada:
        - Layak untuk kelulusan Lembaga
        - Perlu penambahbaikan
        - Tidak diluluskan atas asas risiko tinggi

4. Lembaga Pengarah
    - Menilai semua syor daripada Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Risiko
    - Membuat keputusan muktamad:
        - Diluluskan
        - Ditolak
        - Ditangguhkan untuk semakan semula
    - Memastikan keselarasan dengan strategi, polisidan toleransi risiko organisasi

## ATURAN AKTIVITI HARTA TAK ALIH

## CADANGAN BAGI ATURAN AKTIVITI HARTA TAK ALIH

### 1. PERKARA

Cadangan ini bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-31 untuk untuk mewujudkan Aturan Aktiviti Harta Tak Alih.

### 2. LATAR BELAKANG

2.1. Aktiviti aktiviti harta tak alih ini telah diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil Sekatarakyat. Namun demikian, tiada aturan khusus yang mengawal pelaksanaannya.

2.2. Aturan ini menetapkan bahawa Sekatarakyat boleh melaksanakan perniagaan harta tak alih melalui kaedah pemilikan langsung serta operasi kendiri atau secara usahasama.

2.3. Selain itu, kewujudan aturan ini juga bertujuan untuk meningkatkan kecekapan proses kelulusan, memperjelaskan had kuasa, memperkukuh pengurusan risiko serta memastikan setiap pelaburan memberikan pulangan yang optimum kepada Sekatarakyat.

2.4. Selain itu, aturan ini adalah sebagai rujukan utama dalam semua keputusan strategik berkaitan portfolio hartanah Sekatarakyat bagi menjalankan perniagaan secara operasi kendiri atau memperkukuhkan strategi pelaburan melalui pendekatan usahasama (Joint Venture – JV) dengan rakan strategik yang mempunyai kepakaran, pengalaman dan keupayaan kewangan.

2.5. Oleh itu, kewujudan aturan aktiviti harta tak alih adalah penting sebagai rujukan utama dalam semua aktiviti secara kendiri atau secara usahasama, khususnya bagi memastikan kepentingan Sekatarakyat sentiasa terpelihara.

### 3. CADANGAN

3.1. Lembaga Pengarah mencadangkan agar Aturan Aktiviti Harta Tak Alih Sekatarakyat diwujudkan bagi aktiviti harta tak alih seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran 1 untuk kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan.

3.2. Secara ringkasnya, Aturan Aktiviti Harta Tak Alih Sekatarakyat merangkumi perkara-perkara yang berikut:

1. Pengenalan
2. Tafsiran
3. Tujuan
4. Skop
5. Had Pelaburan
6. Jenis aktiviti harta tak alih
7. Peranan dan tanggungjawab
8. Proses aliran kelulusan

## 4. ALASAN CADANGAN

4.1 Alasan cadangan bagi mewujudkan aturan aktiviti harta tak alih ini adalah menjadi garis panduan dalam menilai, meluluskan dan memantau pelaksanaan projek secara kendiri atau usahasama berkaitan harta tak alih.

4.2 Aturan ini juga bagi menyelaras semua keputusan berkaitan harta tak alih supaya setiap proses seperti pembelian, pembangunan, pajakan, atau pelupusan dibuat secara seragam.

4.3 Aturan ini juga sebagai dokumen kawalan risiko pelaburan dan operasi bagi aktiviti secara kendiri atau secara usahasama harta tak alih kerana melibatkan modal besar dan komitmen jangka panjang, maka perlu ada mekanisme kawalan risiko yang sistematik dari aspek kewangan, undang-undang, operasi dan pasaran.

4.4 Selain itu, aturan ini dibuat bagi mematuhi undang-undang dan peraturan semasa bagi mengelakkan risiko pelanggaran syarat pihak berkuasa, peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa.

## 5. RUMUSAN

Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-31 (2026/2) dipohon meluluskan cadangan ini.

LAMPIRAN 1

## ATURAN AKTIVITI HARTA TAK ALIH SEKATARAKYAT

**KANDUNGAN**

1.0 Pengenalan
2.0 Tafsiran
3.0 Tujuan
4.0 Skop
5.0 Had Pelaburan
6.0 Jenis perniagaan harta tak alih
7.0 Peranan dan tanggungjawa
8.0 Proses aliran kelulusan

## ATURAN AKTIVITI HARTA TAK ALIH SEKATARAKYAT

### 1.0 Pengenalan

1.1 Dokumen ini dinamakan **ATURAN AKTIVITI HARTA TAK ALIH SEKATARAKYAT.**

1.2 Dokumen ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen-dokumen berikut:
   i. Undang-undang Kecil (UUK) Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat).
   ii. Akta Koperasi 1993 Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010

1.3 Aturan ini dirangka untuk menjadi panduan rasmi bagi semua aktiviti harta tak alih yang dilaksanakan oleh Sekatarakyat secara kendiri dan secara usahasama.

1.4 Aturan Harta Tak Alih (tanah/bangunan) ini digunakan dalam mengurus, membangun dan mengoperasikan aset hartanah/bangunan secara bersepadu melalui model Own, Develop and Operate (ODO) dan melalui usahasama (joint venture – JV) dengan pihak ketiga yang berkelayakan.

### 2.0 Tafsiran

Bagi tujuan dokumen ini, definisi berikut adalah diguna pakai:

2.1 **"Akta"** ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

2.2 **"Arahan"** ertinya arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

2.3 **"Aturan"** ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Undang-undang Kecil dan kelulusan mesyuarat agung;

2.4 **"Garis Panduan"** ertinya garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dari semasa ke semasa;

2.5 **"Koperasi"** ertinya Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat);

2.6 **"Lembaga"** ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

2.7 **"Peraturan"** ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

2.8 **"Suruhanjaya"** ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Akta Koperasi 1993;

2.9 **"Undang-undang Kecil (UUK)"** ertinya Undang-undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini bagi menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar Undang-undang kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

2.10 **"Harta Tak Alih"** Aset fizikal seperti tanah dan bangunan yang tidak boleh dipindahkan tanpa mengubah sifatnya.

2.11 **"Perniagaan Kendiri"** ertinya aktiviti perniagaan yang dilaksanakan, diurus dan dikendalikan sepenuhnya oleh Koperasi, termasuk pemilikan aset, Pembangunan/tanah serta operasi tanpa penglibatan ekuiti daripada pihak luar, kecuali pelantikan pihak ketiga sebagai kontraktor atau penyedia perkhidmatan.

2.12 **"Usahasama (JV)"** Kerjasama antara koperasi dan pihak ketiga bagi pelaksanaan projek dengan perkongsian modal, risiko dan keuntungan.

2.13 **"Rakan Strategik"** Syarikat/organisasi yang mempunyai kepakaran, pengalaman dan rekod kewangan kukuh.

## 3.0 Tujuan

Pelaksanaan Aturan Perniagaan Harta Tak Alih (Tanah/Bangunan) ini adalah bertujuan untuk:

3.1 Menetapkan garis panduan yang jelas dalam pelaksanaan semua aktiviti perniagaan dan pelaburan berkaitan harta tak alih.

3.2 Memastikan tadbir urus yang baik melalui proses kelulusan, pemantauan dan pelaporan yang telus serta berakauntabiliti.

3.3 Mengoptimumkan pulangan pelaburan secara mampan selaras dengan objektif kewangan Koperasi.

3.4 Mengawal dan meminimumkan risiko melalui penilaian yang menyeluruh sebelum dan semasa pelaksanaan projek.

3.5 Memperkemas proses membuat keputusan berkaitan pemerolehan, pembangunan, pengurusan dan pelupusan harta tak alih.

3.6 Menggalakkan pengurusan aset yang cekap dan strategik bagi meningkatkan nilai dan prestasi portfolio hartanah Koperasi.

3.7 Memastikan semua aktiviti harta tak alih mematuhi prinsip Syariah, peruntukan Undang-Undang Kecil (UUK) berkaitan serta garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

3.8 Menyokong strategi kepelbagaian pelaburan Koperasi bagi mengurangkan kebergantungan kepada satu sumber pendapatan sahaja.

3.9 Mengembangkan skop operasi koperasi melalui pelaburan dalam sektor hartanah, logistik, hospitaliti/perhotelan, makanan & perdagangan, atau sektor strategik lain.

3.10 Mengurangkan kebergantungan kepada dana dalaman organisasi melalui perkongsian modal dengan rakan usahasama strategik.

3.11 Memanfaatkan kepakaran dan keupayaan rakan strategik dengan menggabungkan pengalaman, kepakaran teknikal dan keupayaan operasi pihak ketiga bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek.

## 4.0 Skop

4.1 Aktiviti harta tak alih ini adalah termasuk membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih seperti dalam Undang – undang Kecil di Perkara 9 (1).

4.2 Aturan ini merangkumi semua aktiviti perniagaan dan pelaburan berkaitan harta tak alih yang dijalankan oleh Koperasi.

4.3 Skop aktiviti harta tak alih secara kendiri adalah seperti yang berikut:

4.3.1 Pemerolehan Harta Tak Alih

a) Meliputi pembelian tanah, bangunan atau aset berkaitan harta tak alih.
b) Termasuk pemerolehan melalui lelongan, rundingan terus atau kaedah lain yang dibenarkan.
c) Tertakluk kepada penilaian kewangan, teknikal dan perundangan sebelum kelulusan.

4.3.2 Pembangunan Hartanah

a) Merangkumi pembangunan projek perumahan, komersial dan industri.
b) Termasuk pembangunan baharu, pembangunan semula (redevelopment) dan naik taraf aset sedia ada.
c) Melibatkan pelantikan kontraktor, perunding dan pihak berkaitan tertakluk kepada prosedur perolehan.

4.3.3 Pengurusan dan Operasi Aset

a) Meliputi aktiviti penyewaan, pajakan dan pengurusan penyewa.
b) Termasuk penyelenggaraan, pengurusan fasiliti dan operasi harian hartanah.
c) Pengurusan hasil, kos operasi dan prestasi aset

4.3.4 Pembiayaan dan Struktur Kewangan

a) Merangkumi sumber pembiayaan dalaman dan luaran.
b) Termasuk struktur pembiayaan yang patuh Syariah (jika berkaitan).
c) Melibatkan pengurusan aliran tunai dan komitmen kewangan projek.

4.3.5 Pengurusan Risiko dan Pematuhan

a) Meliputi penilaian risiko kewangan, perundangan, pasaran dan teknikal.
b) Memastikan pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan Undang-Undang Kecil (UUK) Koperasi.
c) Tertakluk kepada keperluan pematuhan Syariah (jika berkaitan).

4.3.6 Pemantauan dan Pelaporan

a) Melibatkan pemantauan prestasi projek dan aset hartanah secara berkala.
b) Penyediaan laporan kepada pihak pengurusan dan Lembaga.
c) Termasuk audit dalaman dan semakan pematuhan.

4.3.7 Pelupusan Harta Tak Alih

a) Meliputi penjualan, pemindahan atau pelupusan aset hartanah.
b) Termasuk penentuan strategi keluar (exit strategy).
c) Proses pelupusan hendaklah dilaksanakan secara telus dan berdaya saing.

4.4 Skop aktiviti harta tak alih secara usahasama adalah seperti yang berikut:

4.4.1 Skop Aktiviti Usahasama merangkumi aktiviti usahasama berkaitan harta tak alih seperti berikut:

a) Perolehan tanah secara usahasama dengan rakan strategik bagi tujuan pembangunan atau pelaburan usahasama
b) Pembangunan hartanah merangkumi sektor kediaman, komersial dan industri
c) Pembangunan infrastruktur logistik termasuk gudang, pusat pengedaran dan rantaian bekalan (supply chain infrastructure)
d) Projek pembangunan bercampur (mixed development) yang menggabungkan pelbagai komponen penggunaan tanah
e) Pengurusan, operasi dan penyewaan aset hartanah bagi tujuan penjanaan pendapatan berterusan
f) Pelupusan atau pengewangan aset hartanah melalui struktur usahasama seperti JV atau SPV
g) Projek pembangunan khas termasuk model Build-Operate-Transfer (BOT), konsesi atau struktur seumpamanya (jika berkaitan dan diluluskan)

4.4.2 Skop Struktur Usahasama boleh dilaksanakan melalui mana-mana struktur berikut, tertakluk kepada kesesuaian projek, tahap risiko serta keperluan tadbir urus dan kawalan organisasi:

a) Joint Venture (JV) – Kerjasama strategik antara dua atau lebih pihak melalui perkongsian ekuiti, aset dan risiko
b) Special Purpose Vehicle (SPV) – Penubuhan entiti khas bagi tujuan pelaksanaan projek tertentu dan pengasingan Risiko
c) Development Agreement (DA) – Perjanjian pembangunan antara pemilik aset tanah dan pemaju atau rakan strategik
d) Strategic Alliance – Kerjasama strategik tanpa penubuhan entiti baharu, berasaskan perjanjian Kerjasama operasi
e) Model perkongsian keuntungan (profit sharing arrangement) – Struktur kerjasama berdasarkan

agihan keuntungan mengikut nisbah yang dipersetujui tanpa struktur ekuiti formal

4.4.3 Skop Rakan Usahasama hanya dibenarkan dengan pihak yang telah disaring dan memenuhi kriteria kelayakan berikut bagi memastikan integriti, keupayaan pelaksanaan serta pengurusan risiko yang berkesan:

a) Pemaju hartanah berdaftar dan berlesen yang sah di bawah perundangan berkaitan serta mempunyai rekod prestasi projek yang baik
b) Syarikat pembinaan, infrastruktur dan kejuruteraan yang berpengalaman serta memiliki keupayaan teknikal dan kewangan yang kukuh
c) Operator logistik dan industri yang mempunyai kapasiti operasi terbukti serta rekod pengurusan rantaian bekalan yang stabil
d) Entiti kerajaan, GLC atau badan berkanun sebagai rakan strategik yang sah dan diiktiraf
e) Pelabur institusi atau pelabur swasta yang mempunyai kedudukan kewangan kukuh serta kredibiliti pelaburan yang boleh disahkan
f) Rakan strategik lain yang berkelayakan, tertakluk kepada proses due diligence menyeluruh dan penilaian risiko yang diluluskan oleh jawatankuasa berkaitan

## 5.0 Had Pelaburan

5.1 Had pelaburan bagi aktiviti harta tak alih Sekatarakyat adalah daripada mengikut kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan.

5.2 Had ini akan ditetapkan berdasarkan jenis dan skop aktiviti yang akan dilaksanakan sekiranya Sekatarakyat menerima sesuatu peluang perniagaan atau pelaburan.

## 6.0 Jenis Aktiviti Harta Tak Alih

6.1. Jenis-jenis aktiviti harta tak alih secara kendiri adalah seperti yang berikut:

6.1.1 Pembangunan Hartanah (Property Development)

a) Pembangunan hartanah merujuk kepada aktiviti perniagaan yang melibatkan perancangan, pembangunan, pembinaan dan penyiapan sesuatu projek hartanah daripada peringkat awal sehingga siap untuk tujuan jualan, sewaan atau pelaburan.
b) Aktiviti ini merangkumi pembangunan baharu di atas tanah kosong serta pembangunan semula (redevelopment) ke atas aset sedia ada bagi meningkatkan nilai dan potensi pulangan pelaburan Koperasi.
c) Pembangunan hartanah boleh dibahagikan kepada beberapa kategori utama seperti yang berikut:

i. Projek Perumahan yang melibatkan pembangunan hartanah kediaman seperti:
- Rumah teres, semi-D dan banglo
- Pangsapuri, kondominium dan apartmen
- Perumahan mampu milik atau pembangunan komuniti

ii. Projek Komersial melibatkan pembangunan hartanah untuk tujuan perniagaan seperti:
- Bangunan pejabat
- Kedai dan lot niaga
- Kompleks perniagaan dan pusat komersial

iii. Projek Industri melibatkan pembangunan hartanah bagi kegunaan industri seperti:
- Kilang pengeluaran
- Gudang dan stor logistik
- Pusat pengedaran (distribution centre)

iv. Pembangunan Bercampur (Mixed Development) merupakan pembangunan bersepadu yang menggabungkan beberapa komponen hartanah dalam satu projek seperti:
- Kediaman + komersial + fasiliti awam
- Pejabat + pusat beli-belah + hotel
- Pembangunan bandar baharu (township development)

6.1.2 Pelaburan Hartanah (Property Investment)

a) Pelaburan hartanah merujuk kepada aktiviti pemilikan aset harta tak alih oleh Koperasi bagi tujuan menjana pulangan jangka panjang melalui peningkatan nilai aset, pendapatan sewaan, atau pulangan modal strategik.
b) Aktiviti ini tidak bertujuan untuk pembangunan segera, sebaliknya memberi fokus kepada pegangan aset sebagai instrumen pelaburan jangka sederhana dan panjang yang stabil serta berdaya tahan terhadap perubahan pasaran.
c) Pelaburan hartanah ini merangkumi beberapa bentuk utama seperti yang berikut:

i. Pembelian Tanah untuk Kenaikan Nilai (Land Banking) melibatkan pembelian dan pemilikan tanah yang belum dibangunkan dengan tujuan:
- Menyimpan aset strategik untuk tempoh jangka panjang
- Menunggu peningkatan nilai pasaran tanah
- Potensi pembangunan pada masa hadapan

ii. Pembelian Bangunan Siap untuk Sewaan melibatkan pembelian aset hartanah yang telah siap dibina seperti:
- Bangunan pejabat
- Kompleks komersial
- Premis perniagaan atau industry

iii. Pegangan Aset Strategik melibatkan pemilikan hartanah yang mempunyai kepentingan strategik kepada Koperasi seperti:
- Lokasi premium atau berpotensi tinggi
- Aset yang menyokong operasi atau ekosistem perniagaan Koperasi
- Aset yang memberi kelebihan jangka panjang dari segi nilai dan kedudukan pasaran

6.1.3 Penyewaan dan Pajakan (Letting & Leasing)

a) Penyewaan dan pajakan merujuk kepada aktiviti perniagaan harta tak alih yang melibatkan pemberian hak penggunaan aset hartanah kepada pihak ketiga dalam tempoh tertentu melalui perjanjian sewaan atau pajakan yang sah.
b) Aktiviti ini bertujuan untuk menjana pendapatan berulang (recurring income) secara konsisten serta memastikan aset hartanah Koperasi dimanfaatkan secara optimum.
c) Penyewaan dan pajakan merangkumi beberapa bentuk utama seperti yang berikut:
    i. Sewaan Bangunan dan Premis Komersial melibatkan penyewaan aset hartanah seperti:
    - Bangunan pejabat
    - Lot kedai dan ruang niaga
    - Premis komersial seperti pusat perniagaan atau kompleks perniagaan

    ii. Pajakan Tanah kepada Pihak Ketiga melibatkan pemberian hak penggunaan tanah kepada pihak lain untuk tempoh jangka panjang seperti :
    - Pajakan untuk pembangunan komersial atau industri
    - Pajakan untuk tujuan pertanian, logistik atau kegunaan khas
    - Pajakan tanah dengan struktur bayaran tetap atau berkala

    iii. Pengurusan Penyewa (Tenant Management) melibatkan pengurusan hubungan dan operasi berkaitan penyewa termasuk:
    - Pemilihan dan saringan penyewa

- Pengurusan kontrak sewaan dan pembaharuan perjanjian
- Kutipan sewa dan pengurusan tunggakan
- Penyelesaian isu operasi antara penyewa dan pemilik aset

6.1.4 Pengurusan Aset Hartanah (Property Management)

a) Pengurusan aset hartanah merujuk kepada aktiviti pengurusan operasi, penyelenggaraan dan pentadbiran hartanah milik Koperasi bagi memastikan aset berada dalam keadaan optimum, terpelihara dan memberikan pulangan yang berterusan.

b) Aktiviti ini bertujuan untuk memaksimumkan nilai dan prestasi aset hartanah melalui pengurusan yang cekap, sistematik dan berkesan.

c) Pengurusan Aset Hartanah merangkumi beberapa bentuk utama seperti yang berikut:

   i. Pengurusan Bangunan dan Fasiliti melibatkan pengurusan harian bangunan dan kemudahan seperti:
      - Operasi bangunan pejabat, komersial atau industri
      - Pengurusan kemudahan awam seperti lif, keselamatan dan kebersihan
      - Pemantauan pematuhan standard keselamatan dan keselesaan pengguna

   ii. Penyelenggaraan Aset melibatkan aktiviti penyelenggaraan berkala dan pembaikan seperti:
      - Penyelenggaraan pencegahan (preventive maintenance)
      - Pembaikan kerosakan (corrective maintenance)
      - Naik taraf fasiliti (upgrading works)
      - Penyelenggaraan ini penting bagi memanjangkan jangka hayat aset dan mengekalkan nilai pasaran hartanah.

   iii. Pengurusan Hasil Sewaan dan Kos Operasi melibatkan pengurusan kewangan berkaitan hartanah termasuk
      - Kutipan sewa daripada penyewa
      - Pengurusan tunggakan dan caj tambahan
      - Kawalan kos operasi seperti utiliti, penyelenggaraan dan pengurusan bangunan
      - Pemantauan prestasi kewangan aset (profitability monitoring

6.1.5 Perdagangan Hartanah (Property Trading)

a) Perdagangan hartanah merujuk kepada aktiviti pembelian dan penjualan harta tak alih dalam tempoh tertentu dengan tujuan

utama untuk menjana keuntungan melalui perbezaan harga belian dan jualan (capital gain).

b) Aktiviti ini biasanya bersifat jangka pendek hingga sederhana dan memerlukan analisis pasaran yang teliti, penilaian risiko yang tinggi serta strategi keluar (exit strategy) yang jelas.

c) Perdagangan Hartanah dan pajakan merangkumi beberapa bentuk utama seperti yang berikut:

   i. Jual Beli Tanah atau Bangunan melibatkan transaksi pembelian dan penjualan aset hartanah seperti:
      - Tanah kosong atau tanah berpotensi pembangunan
      - Bangunan kediaman, komersial atau industri
      - Aset hartanah siap yang mempunyai nilai pasaran semasa

   ii. "Flipping" Hartanah (Beli, Naik Nilai, Jual Semula) merujuk kepada strategi membeli hartanah, meningkatkan nilai melalui tindakan tertentu, dan menjual semula dalam tempoh singkat atau sederhana seperti:
      - Renovasi atau naik taraf aset
      - Penstrukturan semula kegunaan hartanah
      - Pembangunan kecil untuk meningkatkan nilai pasaran

   iii. Pelupusan Aset Tidak Strategik melibatkan penjualan aset hartanah yang tidak lagi memberi pulangan optimum atau tidak selaras dengan strategi Koperasi seperti:
      - Aset tidak aktif atau kurang produktif
      - Hartanah yang tidak strategik kepada portfolio Koperasi
      - Aset yang telah mencapai nilai maksimum pelaburan

6.1.6 Pembangunan Semula / Penstrukturan Semula Aset

b) Pembangunan semula atau penstrukturan semula aset merujuk kepada aktiviti menaik taraf, mengubah atau membangunkan semula harta tak alih sedia ada bagi meningkatkan nilai, fungsi dan pulangan pelaburan Koperasi.

c) Aktiviti ini dilaksanakan apabila aset sedia ada tidak lagi optimum dari segi penggunaan, nilai pasaran atau potensi pendapatan, dan memerlukan penambahbaikan strategik untuk memaksimumkan prestasi aset.

d) Pembangunan Semula / Penstrukturan Semula Aset merangkumi beberapa bentuk utama seperti yang berikut:

   1. Redevelopment Kawasan Lama melibatkan pembangunan semula kawasan atau bangunan lama yang tidak lagi efisien atau berdaya guna seperti:
      - Bangunan usang atau tidak ekonomik untuk dibaik pulih

- Kawasan pembangunan lama yang berpotensi tinggi untuk pembangunan baharu
- Penukaran struktur pembangunan bagi memenuhi keperluan pasaran semasa

2. Penukaran Guna Tanah (Change of Use) merujuk kepada perubahan kategori atau kegunaan hartanah mengikut keperluan pasaran dan kelulusan pihak berkuasa seperti:
   - Penukaran tanah kediaman kepada komersial atau industri
   - Penyesuaian penggunaan bangunan untuk fungsi Baharu
   - Penstrukturan semula guna tanah bagi meningkatkan nilai ekonomi
   - Aktiviti ini tertakluk kepada kelulusan perundangan dan pihak berkuasa tempatan.

3. Peningkatan Nilai Aset (Asset Enhancement Initiative – AEI) melibatkan aktiviti penambahbaikan fizikal atau operasi bagi meningkatkan nilai dan prestasi aset seperti:
   - Naik taraf fasiliti dan infrastruktur bangunan
   - Renovasi atau pembaharuan reka bentuk aset
   - Peningkatan kecekapan operasi dan pengalaman pengguna

6.2. Jenis-jenis aktiviti harta tak alih secara usahasama adalah seperti yang berikut:

6.2.1 Usahasama Ekuiti (Equity Joint Venture)

a) Kedua-dua pihak menyumbang modal (tunai, tanah atau aset) dan berkongsi pemilikan serta keuntungan berdasarkan pegangan ekuiti yang dipersetujui.

b) Usahasama ini bersesuaian untuk projek pembangunan hartanah seperti perumahan, komersial dan industri.

6.2.2 Usahasama Pembangunan (Development Joint Venture)

a) Usahasama Pembangunan merujuk kepada satu bentuk kerjasama antara pemilik tanah dan rakan strategik bagi tujuan membangunkan aset harta tak alih.

b) Pemilik tanah lazimnya menyumbang tanah sebagai aset utama, manakala rakan usahasama menyediakan modal pembangunan, kepakaran teknikal, serta pengurusan pelaksanaan projek.

6.2.3 Usahasama Operasi (Operational Joint Venture)

a) Usahasama Operasi merujuk kepada satu bentuk kerjasama dalam pengurusan dan pengoperasian aset harta tak alih yang telah siap dibangunkan seperti gudang, pusat logistik atau bangunan komersial,

b) Fokus utama adalah kepada pengurusan aset, aktiviti penyewaan serta penjanaan pendapatan yang berterusan.

6.2.4 Model Build-Own-Operate-Transfer (BOOT)

a) Model ini melibatkan rakan usahasama yang bertanggungjawab untuk membina, memiliki dan mengoperasikan aset harta tak alih bagi tempoh konsesi yang ditetapkan sebelum aset tersebut dipindahkan kepada organisasi.

b) Struktur ini memberi kawalan sementara kepada pihak pelaksana sepanjang tempoh operasi bagi memastikan keberkesanan pengurusan dan pulangan pelaburan

6.2.5 Special Purpose Vehicle (SPV) Joint Venture

a) Usahasama melalui Special Purpose Vehicle (SPV) merujuk kepada penubuhan satu entiti syarikat khas yang diwujudkan khusus bagi melaksanakan sesuatu projek usahasama harta tak alih yang tertentu.

b) Struktur ini membolehkan pengasingan risiko projek daripada organisasi induk serta memudahkan pelaksanaan tadbir urus kewangan yang lebih teratur, telus dan berfokus.

6.2.6 Usahasama Pajakan (Lease-Based Joint Venture)

a) Usahasama Pajakan merujuk kepada satu bentuk kerjasama di mana pemilik aset harta tak alih memajak tanah atau bangunan kepada rakan usahasama untuk tujuan pembangunan atau pengoperasian.

b) Dalam struktur ini, pendapatan diperoleh melalui bayaran sewaan atau perkongsian hasil yang dipersetujui antara pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian usahasama.

## 7.0 Peranan dan tanggungjawab

| No | Peranan | Tanggungjawab |
|---|---|---|
| 1 | **Lembaga Pengarah**<br>Lembaga Pengarah bertanggungjawab | 1. Meluluskan dasar, strategi dan polisi pelaburan hartanah |

| | | |
|---|---|---|
| | terhadap hala tuju strategik dan kelulusan utama perniagaan harta tak alih. | 2. Meluluskan perolehan dan pelupusan aset melebihi had kuasa pengurusan<br>3. Menilai dan meluluskan cadangan perniagaan<br>4. Memastikan pematuhan kepada risiko, undang-undang dan Syariah (jika berkaitan)<br>5. Menyelia prestasi portfolio hartanah secara berkala<br>6. Menilai risiko keseluruhan projek.<br>7. Memantau prestasi projek dan pulangan pelaburan (ROI).<br>8. Meluluskan perjanjian JV dan struktur pembiayaan. |
| **2** | **Jawatankuasa Pelaburan / Hartanah**<br>Jawatankuasa ini bertindak sebagai badan saringan dan penilaian sebelum dibawa ke Lembaga Pengarah. | 1. Menilai cadangan pelaburan hartanah (due diligence awal)<br>2. Menyemak viability kewangan, lokasi, risiko dan pulangan<br>3. Menyaring cadangan perniagaan sebelum kelulusan Lembaga Pengarah<br>4. Memastikan pematuhan polisi dalaman & garis panduan risiko<br>5. Memberi syor sama ada sesuatu cadangan diluluskan / ditolak / ditangguh |
| **3** | **Jawatankuasa Risiko**<br>Jawatankuasa ini bertindak sebagai badan saringan, penilaian dan kawalan risiko utama sebelum sesuatu cadangan pelaburan harta tak alih dibawa ke Lembaga Pengarah. | 1. Menilai dan mengenal pasti risiko utama bagi setiap cadangan pelaburan (kewangan, pasaran, undang-undang, operasi dan reputasi)<br>2. Menyemak tahap daya tahan (risk exposure) projek termasuk sensitiviti terhadap perubahan kos, kadar faedah dan pasaran hartanah<br>3. Menilai keberkesanan strategi mitigasi risiko yang dicadangkan oleh pengurusan<br>4. Mengkaji isu pematuhan perundangan, Syariah (jika berkaitan), dan polisi dalaman<br>5. Menyemak laporan due diligence risiko termasuk risiko pihak ketiga (rakan niaga, pemaju, kontraktor)<br>6. Menentukan sama ada sesuatu cadangan:<br>• Diluluskan untuk dibawa ke Lembaga Pengarah |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Perlu penambahbaikan / mitigasi tambahan<br>• Ditolak atas asas risiko tinggi<br>7. Memastikan setiap pelaburan selaras dengan Risk Appetite Statement organisasi<br>8. Memantau dan melaporkan risiko portfolio hartanah sedia ada secara berkala kepada Lembaga Pengarah |
| 4 | **Pengurusan**<br>Pengurusan bertanggungjawab melaksanakan strategi dan keputusan yang telah diluluskan | 1. Mengenal pasti peluang pelaburan hartanah<br>2. Menyediakan kajian kertas kerja (proposal, feasibility study)<br>3. Menyelaras pihak-pihak terlibat (rakan JV, kontraktor, perunding).<br>4. Melaksanakan projek yang telah diluluskan<br>5. Memantau prestasi operasi, kos dan timeline projek<br>6. Menyediakan laporan berkala kepada Jawatankuasa & Lembaga |
| 5 | **Rakan Usahasama (JV Partner / Developer / Operator)**<br>Menyumbang Modal, Kepakaran Teknikal dan Pengalaman rakan usahasama bertanggungjawab menyediakan sumbangan dalam bentuk modal<br><br>**Kontraktor & Operator** | 1. Melaksanakan pembangunan projek (contoh: gudang, pusat logistik, bangunan industri).<br>2. Mengurus pembinaan, pemasaran dan operasi.<br>3. Memastikan projek siap mengikut spesifikasi, kos dan masa.<br>4. Menjana pendapatan seperti yang dipersetujui dalam perjanjian.<br><br>1. Menyiapkan projek mengikut spesifikasi.<br>2. Memastikan keselamatan tapak dan kualiti kerjaMengurus operasi selepas siap (jika terlibat). |
| 6 | **Perunding Profesional**<br>Memberi nasihat teknikal, kewangan dan perundangan. | 1. Arkitek & jurutera: reka bentuk dan kelulusan teknikal.<br>2. Peguam: menyediakan dan menyemak perjanjian JV.<br>3. Perunding kewangan: analisis daya maju projek.<br>4. Quantity surveyor: kawalan kos dan anggaran bajet. |

## 8.0 Proses Aliran Kelulusan

Semua cadangan perniagaan dan pelaburan harta tak alih hendaklah melalui proses kelulusan yang teratur, berstruktur dan mematuhi had kuasa yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah seperti yang berikut:

1. Pengurusan
   - ➢ Saringan awal cadangan projek
   - ➢ Penyediaan kertas cadangan (proposal) dan dokumen sokongan
   - ➢ Kajian awal kebolehlaksanaan (initial feasibility review)
   - ➢ Penentuan sama ada projek wajar dibawa ke peringkat seterusnya

2. Jawatankuasa Pelaburan / Hartanah
   - ➢ Penilaian teknikal, kewangan dan komersial projek
   - ➢ Semakan struktur pelaburan secara sendiri atau usahasama (termasuk JV/SPV jika berkaitan)
   - ➢ Analisis pulangan pelaburan dan kesesuaian strategi
   - ➢ Syor sama ada projek:
     - Diteruskan ke Jawatankuasa Risiko / Lembaga
     - Diperbaiki semula
     - Ditolak
3. Jawatankuasa Risiko
   - ➢ Menilai tahap dan impak risiko keseluruhan projek
   - ➢ Menyemak risiko utama:
     - Kewangan
     - Operasi
     - Undang-undang & pematuhan
     - Pasaran & reputasi
   - ➢ Menilai keberkesanan pelan mitigasi risiko
   - ➢ Memberi syor akhir dari sudut risiko sama ada:
     - Layak untuk kelulusan Lembaga
     - Perlu penambahbaikan
     - Tidak diluluskan atas asas risiko tinggi
4. Lembaga Pengarah
   - ➢ Menilai semua syor daripada Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Risiko
   - ➢ Membuat keputusan muktamad:
     - Diluluskan
     - Ditolak
     - Ditangguhkan untuk semakan semula
   - ➢ Memastikan keselarasan dengan strategi, polisidan toleransi risiko organisasi

## MEWUJUDKAN SKIM PEMBIAYAAN DARIPADA ANGGOTA SERTA MEWUJUDKAN ATURAN AKTIVITI BERKAITAN

## CADANGAN MEMOHON KELULUSAN BAGI MEWUJUDKAN SKIM PEMBIAYAAN DARIPADA ANGGOTA SERTA MEWUJUDKAN ATURAN AKTIVITI BERKAITAN

### 1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bagi memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-31(2026/2) untuk mewujudkan Skim Pembiayaan Daripada Anggota Sekatarakyat serta aturan bagi mengawal selia aktiviti penerimaan pembiayaan tersebut.

### 2.0 LATARBELAKANG

2.1 Skim ini digubal selaras dengan peruntukan Akta Koperasi 1993 dan Garis Panduan GP9 sebagai satu mekanisme **penerimaan pembiayaan daripada anggota**, di mana dana yang diterima akan menjadi **liabiliti koperasi** dan diuruskan secara berhemat, teratur, berprinsip dan mematuhi kehendak Syariah.

2.2 Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) memperuntukkan bahawa sumber kewangan koperasi boleh diperoleh melalui beberapa kaedah termasuk simpanan khas, deposit serta **pinjaman atau pembiayaan daripada anggota**, tertakluk kepada undang-undang kecil koperasi dan kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan. Khususnya, perenggan 50(e) Akta memperuntukkan bahawa koperasi dibenarkan menerima deposit atau pinjaman atau pembiayaan daripada anggotanya sebagai salah satu sumber dana koperasi.

**Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) (Akta 502)**

Cabutan berkenaan Simpanan Khas menyatakan -

**" BAHAGIAN VI**

**HARTA DAN KUMPULAN WANG KOPERASI**

**Kumpulan wang koperasi**

50. Kumpulan wang suatu koperasi boleh diperdapatkan melalui mana-mana atau kesemua yang berikut:

(d) Simpanan khas daripada anggota, yang boleh dikeluarkan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dalam undang-undang kecil;

(e) tertakluk kepada subseksyen 52(1) atau peraturan-peraturan, deposit atau pinjaman daripada anggota dan dengan kelulusan daripada Suruhanjaya, daripada orang yang bukan anggota koperasi itu;"

2.2 **Peraturan-peraturan Koperasi 1995**

Cabutan mengenai Simpanan Khas menyatakan :-

26. Simpanan khas, deposit atau pinjaman.
Menurut perenggan 50 (d) dan (e) Akta, koperasi berdaftar hendaklah

(a) menyatakan dalam undang-undang kecilnya, skim berhubungan dengan Simpanan khas anggota atau deposit atau pinjaman daripada anggota atau yang bukan anggota;

(b) menyatakan terma dan syarat tiap-tiap skim dalam surat cara berasingan;

(c) mengemukakan suratcara skim itu kepada mesyuarat agung untuk kelulusan; dan

(d) mengemukakan suratcara yang diluluskan kepada Ketua Pendaftar dalam masa satu bulan selepas diluluskan.

*Pind. Peraturan PU(A)591/1 996.*

**2.3 GP9 – Garis Panduan Mengenai Pengambilan Simpanan Khas Dan Deposit Atau Penerimaan Pinjaman**

**Perkara 23**

Kemampuan koperasi untuk meminjam bergantung kepada kedudukan kewangan, kecukupan modal, kewujudan cagaran yang mudah tunai, keupayaan pengurusan, suasana ekonomi semasa dan faktor-faktor lain. Sekiranya koperasi perlu meminjam bagi tujuan untuk mengembang perniagaannya dan menyedia perkhidmatan kepada anggotanya, koperasi hendaklah memastikan satu perjanjian dimeterai dan bayaran balik dengan atau tanpa kadar pulangan untuk suatu jangka masa.

**Perkara 24**

Perjanjian pinjaman tersebut hendaklah dipersetujui oleh peminjam dan pemberi pinjaman. Perjanjian mengandungi sekurang-kurangnya maklumat - maklumat berikut:

(a) Jenis dan amaun pinjaman;
(b) Tujuan pinjaman;
(c) Kadar pulangan, kadar pulangan ingkar (default interest rate), caj penalti dan caj – caj lain;
(d) Tempoh bayaran balik pinjaman;

(e) Kaedah bayaran balik pinjaman; dan
(f) Kewajipan peminjam dan pemberi pinjaman serta hak – hak dan bentuk tindakan setiap pihak sekiranya berlaku pelanggaran syarat perjanjian, termasuk:
(g) Tindakan ke atas kontrak pinjaman tidak dipatuhi; dan
(h) Tindakan bagi penyelesaian pinjaman sebelum tempoh matang.

**Perkara 25**

Pinjaman yang berlebihan merupakan amalan yang tidak berhemat kerana ia boleh memberi kesan negatif kepada kedudukan kewangan koperasi. Pinjaman oleh koperasi daripada anggota atau bukan anggota hendaklah tertakluk kepada had pinjaman berikut:

| Pemberi Pinjaman | Had Pinjaman |
|---|---|
| Bagi setiap anggota | Tidak melebihi 20% daripada jumlah Kumpulan wang Anggota |
| Bagi setiap bukan anggota | Tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya |

**Perkara 26**

Walau bagaimanapun, jumlah pinjaman adalah tertakluk kepada had keterhutangan koperasi yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung.

Antara lain, GP9 menggariskan perkara-perkara yang perlu dipatuhi oleh koperasi yang ingin menjalankan aktiviti pengambilan Simpanan khas dan deposit atau menerima pinjaman seperti yang berikut :-

**Perkara 15**

a. Syarat-syarat Am:

Sebelum menjalankan aktiviti Penerimaan Pembiayaan, koperasi hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

I. undang-undang kecil koperasi mempunyai peruntukan berkenaan aktiviti pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman;
II. kelulusan mesyuarat agung untuk menentukan had maksimum keterhutangan koperasi;

III. mewujudkan aturan bertulis berkenaan pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman yang diluluskan dalam mesyuarat agung;

IV. menyediakan prospektus bagi setiap produk pengambilan simpanan khas dan pengambilan deposit yang ditawarkan serta mendapatkan kelulusan bertulis Suruhanjaya;

V. mengadakan perjanjian pinjaman antara koperasi dan pemberi pinjaman; dan

VI. mematuhi peruntukan undang-undang bertulis lain, sekiranya perlu.

(a) Kandungan Aturan

Tujuan aturan diwujudkan adalah untuk menerangkan kepada anggota mengenai tatacara sesuatu aktiviti koperasi. Aturan hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

(i) tajuk;
(ii) objektif;
(iii) definisi;
(iv) konsep Syariah
(v) sumber dan kegunaan kewangan;
(vi) pentadbiran dan pengurusan;
(vii) proses aliran kerja (termasuk dasar mengenai penerimaan dan pengeluaran deposit/simpanan khas dan dasar mengenali pelanggan);
(viii) tugas-tugas, tanggungjawab dan kuasa pihak yang terlibat; dan
(ix) pengurusan kewangan, risiko dan audit.

(b) Penetapan Kadar Keuntungan Pembiayaan

I. Selaras dengan prinsip yang digariskan di bawah GP9, sebarang kadar keuntungan bagi pembiayaan yang diterima daripada anggota hendaklah ditetapkan secara berhemat dan mengambil kira kedudukan kewangan serta keupayaan kecairan koperasi. Penetapan kadar keuntungan ini dibuat bagi memastikan pembiayaan yang diterima tidak membebankan kedudukan kewangan koperasi dalam jangka pendek dan jangka panjang.

II. Sehubungan itu, kadar keuntungan pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan Daripada Anggota akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa, berdasarkan keperluan pendanaan koperasi, kos pembiayaan, keadaan pasaran semasa serta strategi kewangan koperasi secara keseluruhan.

2.4 Undang-undang Kecil Sekatarakyat

(a) UUK 9(2)(a) menyatakan bahawa bagi mencapai matlamat dan fungsi penubuhan Koperasi menurut fasal (1), koperasi boleh menjalankan aktiviti bagi mendapatkan –

modal dengan cara mengumpul syer, yuran, deposit, pinjaman atau Simpanan khas daripada anggota; dan

(b) UUK 9 (4) menyatakan –

(4) Bagi maksud perenggan 50(e) Akta, sesuatu Koperasi hendaklah –

(a) menyatakan dalam undang-undang kecilnya, aktiviti berhubung dengan deposit atau pinjaman daripada anggota atau bukan anggota;

(b) menyatakan terma dan syarat bagi setiap aktiviti dalam aturan yang berasingan;

(c) membentangkan aturan itu dalam mesyuarat agung perwakilan untuk kelulusan; dan

(d) mengemukakan aturan itu kepada Suruhanjaya dalam masa tiga puluh hari selepas aturan itu diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan. Walau apapun, Suruhanjaya boleh mengarahkan supaya aturan dipinda, jika perlu, demi kepentingan koperasi.

(c) Perkara 56 di bawah tajuk Simpanan Khas, deposit dan pinjaman menyatakan bahawa –

56. (1) Koperasi boleh menerima daripada anggotanya –

(a) Simpanan khas seperti yang ditetapkan dalam aturannya dan wang ini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa; atau

(b) deposit dan pinjamannya

## 3.0 CADANGAN

**3.1** Lembaga Pengarah mencadangkan supaya Skim Pembiayaan Daripada Anggota (SPDA) diwujudkan bagi membolehkan Koperasi menerima dana pembiayaan daripada anggota sebagai sumber pendanaan dalaman yang sah, tersusun, terkawal dan mematuhi kehendak Syariah.

**3.2** Lembaga Pengarah mencadangkan supaya **jumlah penerimaan pembiayaan serta kadar keuntungan pembiayaan ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa**.

3.3 Lembaga Pengarah mencadangkan **Aturan Skim Pembiayaan Daripada Anggota** diwujudkan seperti yang ditunjukkan di Lampiran 1.

## 4.0 ALASAN CADANGAN

Lembaga Pengarah mencadangkan Skim Pembiayaan Daripada Anggota diwujudkan atas beberapa alasan seperti yang berikut :-

(a) Skim Pembiayaan Daripada Anggota dikemukakan bagi menyediakan satu mekanisme pembiayaan dalaman yang patuh Syariah, sah dan berstruktur, di samping membolehkan anggota menyumbang dana kepada koperasi secara telus melalui hubungan pembiayaan yang jelas.

(b) Skim ini juga dapat membantu koperasi meningkatkan keupayaan kecairan secara berhemat tanpa bergantung sepenuhnya kepada pembiayaan luaran, serta memastikan hubungan kewangan antara koperasi dan anggota diuruskan melalui perjanjian yang patuh Syariah, teratur dan terkawal.

(c) Di samping itu, skim ini dirangka bagi membezakan dengan jelas konsep pembiayaan daripada simpanan khas atau skim pelaburan, sekali gus mengelakkan kekeliruan dari sudut kawal selia, persepsi anggota dan pematuhan garis panduan yang berkuat kuasa.

## 5.0 IMPLIKASI KEWANGAN

5.1 Lembaga Pengarah menganggarkan implikasi kewangan skim ini berdasarkan kadar keuntungan pembiayaan yang akan ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Bagi tujuan pengiraan implikasi kewangan, jumlah skim pembiayaan sebanyak RM200.0juta dan satu kadar pulangan sebanyak **7.00% setahun** digunakan sebagai **contoh rujukan** untuk menggambarkan impak kewangan skim ini seperti yang berikut:-

| Jumlah Skim Pembiayaan (RM) | Kadar Pulangan Setahun (%) | Jumlah Pulangan Yang Dibayar Setahun (RM) |
|---|---|---|
| 200.0juta | 7 | 14.0juta |

5.2 Implikasi aliran tunai yang terhasil akan diuruskan melalui perancangan kecairan yang berhemat serta jadual bayaran, pembiayaan yang teratur, bagi memastikan obligasi kewangan koperasi dapat dipenuhi tanpa menjejaskan kedudukan kewangan keseluruhan koperasi.

## 6.0 RUMUSAN

Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-31 (2026/2) dipohon untuk meluluskan cadangan Skim Pembiayaan Daripada Anggota ini serta **aturan berkaitan pelaksanaan skim tersebut** sebagaimana yang dikemukakan.

LAMPIRAN 1

## ATURAN SKIM PEMBIAYAAN DARIPADA ANGGOTA

**KANDUNGAN**

1.0 Pengenalan
2.0 Objektif
3.0 Definisi
4.0 Konsep Syariah
5.0 Sumber dan Kegunaan Dana
6.0 Pengurusan Wang Skim Pembiayaan Daripada Anggota
7.0 Audit dan Badan Pemantau
8.0 Laporan
9.0 Tugas dan Tanggungjawab

**ATURAN SKIM PEMBIAYAAN DARIPADA ANGGOTA**

**1.0 Pengenalan**

1.1 Dokumen ini dinamakan **ATURAN SKIM PEMBIAYAAN DARIPADA ANGGOTA SEKATARAKYAT.**

1.2 Aturan ini digubal bagi mengawal selia pelaksanaan Skim Pembiayaan Daripada Anggota yang dilaksanakan oleh Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) selaras dengan kehendak Syariah, peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 1995, Undang-Undang Kecil Koperasi serta Garis Panduan Mengenai Pengambilan Simpanan Khas dan Deposit atau Penerimaan Pinjaman (GP9) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

1.3 Aturan ini hendaklah dibaca bersama dengan Undang-Undang Kecil Sekatarakyat dan apa-apa arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dari semasa ke semasa.

**2.0 Objektif**

2.1 Objektif utama aturan ini adalah untuk mewujudkan satu rangka kawalan dalaman yang jelas dan tertib bagi mengawal selia semua aktiviti berkaitan penerimaan pembiayaan daripada anggota oleh koperasi, termasuk penerimaan dana, penggunaan dana, bayaran pembiayaan, pematuhan Syariah serta pemantauan risiko yang berkaitan.

2.2 Aturan ini bertujuan memastikan pelaksanaan Skim Pembiayaan Daripada Anggota dilaksanakan secara patuh Syariah, berhemat,

telus dan terkawal agar tidak menjejaskan kestabilan kewangan koperasi serta kepentingan anggota.

2.3 Di samping itu, aturan ini juga bertujuan memastikan setiap pembiayaan yang diterima daripada anggota disokong oleh dokumentasi perjanjian yang patuh Syariah, jelas dan pemantauan berterusan oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah selaras dengan prinsip Syariah dan tadbir urus yang baik.

## 3.0 Definisi

3.1 Bagi tujuan dokumen ini, definisi berikut adalah diguna pakai:

**“Akta”** ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

**“Arahan”** ertinya arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

**“Aturan”** ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Undang-undang Kecil dan kelulusan mesyuarat agung;

**“Garis Panduan”** ertinya garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dari semasa ke semasa;

**“Koperasi”** ertinya Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat);

**“Lembaga”** ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“Peraturan”** ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

**“Pembiayaan”** ertinya sebarang dana yang diterima oleh Koperasi daripada anggota melalui Skim Pembiayaan Daripada Anggota tertakluk kepada perjanjian pembiayaan;

**“Suruhanjaya”** ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Akta Koperasi 1993;

**“Syer”** ertinya bahagian dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan

keanggotaannya dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“Kadar Keuntungan Pembiayaan”** ertinya kadar keuntungan yang ditetapkan oleh Lembaga ke atas pembiayaan yang diterima daripada anggota dari semasa ke semasa;

**“Undang-undang Kecil (UUK)”** ertinya Undang-undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini bagi menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar Undang-undang kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

3.2 Sekiranya mana-mana definisi di atas bercanggah dengan tafsiran seperti yang terdapat pada Undang-undang Kecil (UUK) (di bawah Perkara 2, Tafsiran) atau sekiranya ianya tidak tersenarai di atas, tafsiran yang terdapat pada Undang-undang Kecil (UUK) tersebut hendaklah digunakan.

**4.0 Konsep Syariah**

4.1 Konsep Syariah bagi Skim Pembiayaan Daripada Anggota adalah berasaskan Tawarruq juga dikenali sebagai Komoditi Murabahah.

4.2 Tawarruq adalah merujuk kepada transaksi jual beli komoditi atau aset berasaskan pembayaran tangguh secara Murabahah (iaitu harga kos aset ditambah dengan margin keuntungan) daripada penjual kepada pembeli, dan kemudiannya komoditi atau aset tersebut akan dijual secara tunai kepada pihak ketiga (selain daripada penjual asal) bagi mendapatkan tunai.

4.3 Konsep Syariah ini adalah tertakluk kepada pengesahan dan pemantauan oleh Jawatankuasa Syariah Koperasi

**5.0 Sumber dan Kegunaan Dana**

5.1 Sumber dana bagi Skim Pembiayaan Daripada Anggota adalah daripada pembiayaan patuh Syariah yang diterima secara sukarela daripada anggota Koperasi tertakluk kepada terma dan syarat yang dipersetujui dalam perjanjian pembiayaan.

5.2 Dana pembiayaan yang diterima di bawah skim ini hendaklah direkodkan sebagai liabiliti Koperasi dan digunakan bagi keperluan pendanaan patuh Syariah serta pengurusan kecairan Koperasi secara keseluruhan.

5.3 Dana pembiayaan ini tidak boleh dianggap sebagai simpanan khas atau deposit, dan tidak ditawarkan sebagai skim pelaburan kepada anggota.

## 6.0 Pengurusan Wang Skim Pembiayaan Daripada Anggota

### 6.1 Penerimaan Jumlah Pembiayaan

6.1.1 Anggota yang berminat untuk menyertai Skim Pembiayaan Daripada Anggota Sekatarakyat akan mengesahkan penyertaan tersebut dengan mengisi Borang Pembukaan Akaun Skim Pembiayaan Daripada Anggota Sekatarakyat yang disediakan dan menghantar borang tersebut kembali kepada pejabat Koperasi bersama-sama dengan slip bayaran Jumlah Pembiayaan ke dalam akaun Koperasi.

6.1.2 Satu akaun berasingan akan dibuka di atas nama setiap nama anggota yang menyertai Skim Pembiayaan Daripada Anggota ini.

6.1.3 Waktu urusniaga penerimaan Skim Pembiayaan Daripada Anggota daripada anggota adalah antara pukul 9.30 pagi sehingga 4.30 petang setiap hari, kecuali hari Cuti Umum, Cuti Sabtu dan Ahad serta hari-hari di mana Koperasi menghebahkan kepada semua anggota secara e-mel atau lain-lain media komunikasi, Ibu Pejabat Koperasi ditutup atas persetujuan Lembaga.

6.1.4 Penerimaan Skim Pembiayaan Daripada Anggota selepas waktu 4.30 petang akan diapungkan dan diuruskan bermula pukul 9.30 pagi keesokannya dalam hari bekerja.

6.1.5 Jumlah minimum Skim Pembiayaan Daripada Anggota yang boleh diterima oleh Koperasi adalah sebanyak RM1,000.00 bagi setiap seorang anggota.

### 6.2 Pengeluaran wang dari Skim Pembiayaan Daripada Anggota

6.2.1 Anggota boleh mengeluarkan wang dari Skim Pembiayaan Daripada Anggota pada bila-bila masa dengan memberi notis selama dua puluh empat jam hari bekerja dan melengkapkan Borang Pengeluaran Skim Pembiayaan Daripada Anggota yang disediakan oleh Koperasi.

6.2.2 Permohonan bayaran / pengeluaran wang / penyelesaian awal di bawah Skim Pembiayaan Daripada Anggota hendaklah melalui proses semakan terhadap rekod pembiayaan yang berkaitan, termasuk baki pembiayaan dan obligasi pembayaran, sebelum kelulusan diberikan oleh pihak pengurusan serta Bendahari Kehormat atau mana-mana seorang daripada Lembaga.

6.3 Tempoh Pembiayaan

Tempoh penyimpanan Skim Pembiayaan Daripada Anggota Sekatarakyat adalah selama satu tahun (dua belas bulan).

6.4 Pengiraan Jumlah Keuntungan atas Skim Pembiayaan Daripada Anggota

6.4.1 Jumlah Keuntungan akan dibayar kepada anggota apabila tempoh Pembiayaan telah tamat/matang mengikut kadar keuntungan yang telah ditetapkan oleh Lembaga.

6.4.2 Kaedah ini memudahkan Koperasi untuk membayar keuntungan berdasarkan kepada kadar keuntungan yang ditetapkan dan dengan mengambil kira jangka masa dan jumlah Pembiayaan yang diberi oleh anggota.

6.5 Bagi penyelesaian pembiayaan sebelum tarikh matang (kurang daripada tempoh 12 bulan), caj penalti sebanyak **1%** akan dikenakan ke atas kadar pulangan yang telah ditetapkan,. Di samping itu, pengiraan keuntungan pembiayaan akan dibuat secara **prorata**, berdasarkan tempoh sebenar pembiayaan yang telah dilaksanakan oleh anggota sehingga tarikh penyelesaian awal.

6.6 Penyata tahunan

Penyata Skim Pembiayaan Daripada Anggota akan dihantar kepada setiap pemberi pembiayaan sekali setahun.

**7.0 Audit dan Badan Pemantau**

7.1 Juruaudit Dalaman (JAD) dan/atau Juruaudit Luaran yang dilantik oleh Lembaga Pengarah dibenarkan untuk memeriksa dan mengaudit Skim ini dan seterusnya memberi nasihat kepada Lembaga Pengarah untuk penambahbaikan di dalam aspek pengurusan.

7.2 Jawatankuasa Syariah Koperasi berperanan sebagai badan tadbir urus Syariah dan kawal selia yang menasihati dan memantau tahap pematuhan Syariah koperasi secara menyeluruh. Jawatankuasa Syariah berfungsi sebagai penasihat Syariah produk bagi Skim Pembiayaan ini khususnya berkaitan konsep Syariah, struktur skim, dokumentasi dan segala perkara yang berkaitan dengan Syariah.

7.3 Lembaga Pengarah boleh melantik badan bebas yang terdiri dari anggota dan/atau bukan anggota Koperasi untuk memantau semua aktiviti berkaitan Skim Pembiayaan Daripada Anggota ini dan

seterusnya memberi nasihat kepada Lembaga Pengarah untuk penambahbaikan di dalam aspek pengurusan Skim ini.

**8.0 Laporan**

8.1 Pengurusan hendaklah melaporkan dan merujuk kepada Jawatankuasa Syariah berhubung sebarang isu atau perkara yang berkaitan dengan pematuhan Syariah.

8.2 Pengurusan akan menyediakan laporan bulanan dalam mesyuarat bulanan Lembaga Pengarah berkenaan aktiviti dalam Skim ini.

8.3 Laporan mengenai aktiviti ini juga hendaklah dimasukkan dalam Laporan Tahunan Lembaga Pengarah dan dibentangkan untuk makluman Mesyuarat Agung Perwakilan tahunan Koperasi.

**9.0 Tugas Dan Tanggungjawab**

9.1 <u>Lembaga Pengarah</u>

9.1.1 Lembaga Pengarah akan membentangkan aturan-aturan berkaitan Skim Pembiayaan Daripada Anggota tersebut dalam mesyuarat agung perwakilan yang akan datang untuk mendapat kelulusan daripada mesyuarat agung tersebut.

9.1.2 Membuat aturan aktiviti dari semasa ke semasa bagi pelaksanaan aktiviti Skim Pembiayaan Daripada Anggota.

9.1.3 Mengawasi kecekapan, tatatertib dan daya usaha semua pegawai dan kakitangan dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka.

9.1.4 Melaksanakan tugas lain sebagaimana yang ditentukan oleh Aturan, Peraturan, Arahan dan mesyuarat agung perwakilan dari semasa ke semasa.

9.1.5 Lembaga Pengarah mempunyai kuasa dan tanggungjawab muktamad ke atas keseluruhan tadbir urus dan pematuhan Syariah koperasi atas nasihat ahli jawatankuasa Syariah yang antaranya merangkumi:

(a) mewujudkan mekanisme bersesuaian untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut; dan

(b) melaksanakan pengawasan ke atas perjalanan tadbir urus Syariah yang berkesan dan memastikan bahawa ia menepati kemampuan saiz, kerumitan dan sifat perniagaan koperasi.

9.1.6 Lembaga Pengarah, selepas berunding dengan jawatankuasa Syariah, hendaklah meluluskan semua dasar berhubung perkara Syariah dan memastikan bahawa dasar berkenaan dilaksanakan dengan berkesan.

9.2 Jawatankuasa Syariah

9.2.1 Jawatankuasa Syariah hendaklah menasihati Lembaga Pengarah dan memberi input kepada koperasi mengenai perkara Syariah supaya koperasi mematuhi prinsip Syariah pada setiap masa.

9.2.2 Jawatankuasa Syariah hendaklah memperakukan dasar dan prosedur Syariah yang disediakan oleh koperasi dan memastikan kandungannya tidak mempunyai sebarang unsur yang tidak selaras dengan Syariah.

9.2.3 Jawatankuasa Syariah hendaklah memperaku dan mengesahkan:

(a) terma dan syarat terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau dokumentasi perundangan lain yang digunakan dalam pelaksanaan urusniaga; dan

(b) manual produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan risalah yang digunakan untuk menerangkan produk.

9.2.4 Jawatankuasa Syariah hendaklah membantu dalam memberi khidmat nasihat mengenai perkara berkaitan Syariah kepada pihak yang berkaitan dengan koperasi seperti peguam, juruaudit atau perunding.

9.3 Pengurusan

9.3.1 Pihak pengurusan Koperasi bertanggungjawab untuk mematuhi dan melaksana keputusan yang dibuat oleh Lembaga.

9.3.2 Adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan untuk memperuntukkan sumber tenaga dan data yang mencukupi bagi menyokong tadbir urus Skim ini.

9.3.3 Pihak pengurusan koperasi bertanggungjawab untuk mematuhi dan melaksana kehendak dan keputusan Syariah yang dibuat oleh jawatankuasa Syariah koperasi.

9.3.4 Pihak pengurusan juga bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan merujuk apa-apa isu Syariah kepada jawatankuasa Syariah bagi mendapatkan keputusan, pandangan dan pendapat.

9.4 Anggota Koperasi

9.4.1 Anggota yang ingin menyertai Skim Pembiayaan Daripada Anggota, mereka perlu mengisi dan melengkapkan Borang Pembukaan Akaun Skim Pembiayaan Daripada Anggota dan disertakan sekali slip bayaran ke dalam akaun Koperasi.

9.4.2 Bagi pengeluaran wang dari Skim ini, anggota perlu melengkapkan Borang Pengeluaran Skim Pembiayaan Daripada Anggota yang disediakan oleh Koperasi dengan memberi notis selama dua puluh empat jam hari bekerja.

## PERKARA 6

## MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA URUSAN LAIN KOPERASI YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH (7) HARI TELAH DIBERIKAN

**(TIADA)**

**PERKARA 7**

**MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN APA-APA ADUAN, YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH (7) HARI TELAH DIBERIKAN KEPADA SEKATARAKYAT, YANG DIKEMUKAKAN OLEH ANGGOTA YANG TERKILAN DENGAN KEPUTUSAN LEMBAGA PENGARAH SEKATARAKYAT**

**(TIADA)**

## PERKARA 8

## MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA LAPORAN YANG HENDAK DIKEMUKAKAN MENURUT PERATURAN-PERATURAN INI

## LAPORAN LAWATAN CO-OP CENTRE THAILAND

**LAPORAN LAWATAN KERJA KE CO-OP CENTRE THAILAND**
**22–24 JANUARI 2026 (KHAMIS - SABTU)**

## 1. LATAR BELAKANG

Lawatan Kerja oleh Sekatarakyat ke Co-Op Centre Thailand and Rom Yen Pen Suk TM Co.,Ltd beralamat di 102/6 Moo 11 Thanarat Rd., Tumbol Nongnamdaeng, Amphor Pak Chong, Nakhon Ratchasima telah diadakan pada 22 hingga 24 Januari 2026. Lawatan ini melibatkan penyertaan wakil Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) seperti yang berikut:

1. Datuk Mohamed Arsad Sehan – Pengerusi
2. Dato' Mustafha Abd Razak – Bendahari Kehormat
3. Tuan Haji Mohamad Sabri Mohamed Nor – Anggota Lembaga Pengarah
4. Ahmad Rozaman Mohd Yusoff – Pengurus Besar
5. Nor Elina Ab Ghani – Pengurus
6. Noor Amirah Ja'afar – Eksekutif Perniagaan
7. Shahifudin Saufi - Eksekutif Perkhidmatan

Wakil daripada The Co-op Center Thailand adalah seperti yang berikut:

1. Mr. Adisak Vachirasamphan – Presiden
2. Dr. Puwaret Abdulsata (Dr. Anwar) – Penasihat Eksekutif (Rantau Timur Tengah)
3. Dr. Kitti Jerdrangsi - Penasihat

## 2. OBJEKTIF LAWATAN

Objektif utama lawatan kerja ini adalah seperti yang berikut:

1. Memberi pendedahan kepada Sekatarakyat mengenai struktur pengurusan dan operasi di The Co-op Centre Thailand.

2. Lawatan ini diadakan untuk meninjau :

   a) Ladang ternakan lembu Kobe
   b) Kilang penyembelihan dan pemprosesan lembu Kobe
   c) Kilang pemprosesan beras wangi
   d) Lawatan ke Phimai Dairy Cooperative berkenaan susu segar dan tablet susu

3. Lawatan ini juga bertujuan berkongsi pengalaman serta maklumat berkaitan pembangunan dan pengurusan koperasi, serta meneroka potensi kerjasama strategik antara Sekatarakyat dan The Co-op Centre Thailand.

## 3. ATUR CARA LAWATAN

**Hari Pertama**

| 22 JANUARI 2026 (KHAMIS) | |
|---|---|
| **MASA** | **PROGRAM** |
| 6.30 pagi | Penerbangan ke Bangkok, Thailand |
| 8.15 pagi | Tiba di Lapangan Terbang Don Mueang,Bangkok |
| 9.20 pagi – 11.00 tengahari (Perjalanan 160km) | Perjalanan ke The Hill Hotel, Pak Chong District |
| 1.30petang -5.10 petang<br><br>(Perjalanan 242km) | ➢ Perjalanan ke *Kobe Beef Farm* di Daerah Sikhiu, Wilayah Nakhon Ratchasima<br>➢ Perjalanan ke *Slaughter Factory* bagi Lawatan tempat pemprosesan daging lembu |
| 5.15 petang - 7.09 malam | Perbincangan bersama wakil Co-op Centre dan Makan malam di Restoran Salasa, Khaoyai |

**22 JANUARI 2026 :LAWATAN PERTAMA KE KOBE BEEF FARM MILIK MR.KAAN (ANGGOTA KOPERASI)**









**22 JANUARI 2026 :LAWATAN KEDUA KE *SLAUGHTER FACTORY***









**Hari Kedua**

| 23 JANUARI 2026 (JUMAAT) | |
|---|---|
| 8.30 – 9.00 pagi | Lawatan ke Ladang Ternakan Lembu milik persendirian Mr.Adisak, Pak Chong District |
| 10.00 pagi – 1.55 petang (Perjalanan 316km) | Lawatan ke Phimai Agricultural Cooperative dan Kilang Pemprosesan Beras di Pak Thong Chai District |
| 3.00 - 5.15 petang (Perjalanan 156km) | Lawatan ke Phimai Dairy Cooperative (Susu Lembu/ Pemprosesan tablet susu) di Pak Chong District |
| 5.20 - 6.50 petang | Perbincangan bersama wakil Co-op Centre Thailand di Restoran Indy Kitchen, Khao Yai |
| 8.40 – 11.15 malam | Pembentangan oleh Mr.Adisak (Co-op Centre Thailand) di Hotel |

**23 JANUARI 2026: LAWATAN PERTAMA LADANG TERNAKAN LEMBU MILIK MR.ADISAK**







## 23 JANUARI 2026: LAWATAN KEDUA PHIMAI AGRICULTURAL COOPERATIVE DAN KILANG PEMPROSESAN BERAS DI PAK THONG CHAI









**23 JANUARI 2026: LAWATAN KETIGA PHIMAI DAIRY COOPERATIVE (SUSU LEMBU/ PEMPROSESAN TABLET SUSU)**









## 23 JANUARI 2026: PEMBENTANGAN OLEH MR.ADISAK THE CO-OP CENTRE THAILAND









**Hari Ketiga**

| 24 JANUARI 2026 (SABTU) | |
|---|---|
| 8.00 pagi (Perjalanan186km) | ➢ Menuju ke Bandar Bangkok |
| 3.00 petang – 7.00 malam | ➢ Menunggu waktu pernerbangan di Lapangan Terbang Don Mueang, Bangkok |
| 9.15 malam | ➢ Tiba di KLIA |



## 4. KESIMPULAN

- Lawatan ini telah memberikan pendedahan yang berguna kepada Sekatarakyat dalam aspek pengurusan koperasi serta operasi industri makanan dan penternakan di Thailand.
- Hasil lawatan ini juga membuka ruang kepada potensi kerjasama strategik pada masa hadapan yang boleh memberi nilai tambah kepada pembangunan Sekatarakyat.
- Kerjasama antara Sekatarakyat dengan Co-op Centre Thailand telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 27 April 2026.
- Sekatarakyat telah mula membuat jualan produk kolagen (Cordia) di premis perniagaan Sekatarakyat.
- Sebanyak dua (2) sesi mesyuarat telah diadakan, iaitu pada 8 April 2026 bagi membincangkan intipati kerjasama dan pada 21 Mei 2026 bagi membincangkan aspek penetapan harga produk.
- Bagi produk-produk lain, masih dalam peringkat persediaan dan tertakluk kepada kelulusan daripada badan-badan berkaitan sebelum boleh dipasarkan secara rasmi di Malaysia.